


Jilid I
Bil. 21



MALAYSIA

Hari Juma'at
9hb Julai, 1971

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 2491]

RANG UNDANG²:

- Rang Undang² Pembasmi Malaria [Ruangan 2527]
- Rang Undang² Bank Negara Malaysia (Pindaan) [Ruangan 2541]
- Rang Undang² Bank Negara Malaysia (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 2546]
- Rang Undang² Pinjaman (Stok Penimbal Timah Antarabangsa) [Ruangan 2548]
- Rang Undang² Chukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 2550]
- Rang Undang² Chukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) [Ruangan 2553]
- Rang Undang² Chukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 2554]
- Rang Undang² (Pindaan) (No. 2) Eksais [Ruangan 2555]
- Rang Undang² Perjanjian Bretton Woods (Pindaan) [Ruangan 2558]
- Rang Undang² Kewangan (Pindaan) [Ruangan 2559]
- Rang Undang² Kewangan (Duti Harta Pesaka) [Ruangan 2560]
- Rang Undang² Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) [Ruangan 2562]
- Rang Undang² Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) [Ruangan 2565]
- Rang Undang² Perikanan (Pindaan) [Ruangan 2566]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Juma'at, 9hb Julai, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kesihatan, YANG BERBAHAGIA TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, YANG BERBAHAGIA TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, YANG BERBAHAGIA TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ DATO' HAJI ADBUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN HAJI WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AMHAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungai Petani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

Yang Berhormat TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

- „ TUAN V. DAVID (Dato' Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

- „ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).

- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Setar).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Setar Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMED FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).

Yang Berhormat TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN R.C.M. RAYAN @ R.C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH @ HAJI YUSOF RAWA (Kota Setar Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADZIR :

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN,
S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

Yang Berhormat Menteri Bagi Hal Ehwal Sarawak, YANG BERBAHAGIA TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, YANG BERBAHAGIA TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).

„ DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

Yang Berbahagia TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

Yang Berhormat TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADZIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).

„ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² SAHAM KERAJAAN DALAM SHARIKAT PERKAPALAN KEBANGSAAN—PERATUS

1. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan berapa peratus saham Kerajaan di-dalam Sharikat Perkapalan Kebangsaan.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohd. Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai sa-banyak 30% daripada jumlah saham yang di-keluarkan di-dalam Badan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, tidak-kah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan atau Kerajaan negeri ini berfikir ia-itu jikalau 30% sahaja saham Kerajaan di-dalam-nya, jikalau sa-suatu perkara berlaku kalau Perkapalan ini bankrupt dan sa-bagai-nya, maka 30% daripada wang Kerajaan akan habis, lingkop sahaja?

Tuan Mohd. Khir Johari: Saya tidak ingat company ini akan bankrupt.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sharikat Perkapalan Kebangsaan tetapi betul atau tidak yang orang Hong Kong—China dari Hong Kong mempunyai saham² juga di-dalam-nya. Apa berma'ana Sharikat Perkapalan Kebangsaan ini?

Tuan Mohd. Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, pehak² daripada Hong Kong hanya mempunyai saham sa-banyak 900,000 saham sahaja. Jadi kita tidak ingat bahawa dengan ada-nya sa-banyak 900,000 saham itu mereka itu dapat membuat sa-suatu yang boleh merugikan sharikat ini.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benar-kah sa-lain daripada saham Kerajaan ada memberi jaminan berjuta² ringgit kepada sharikat ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, memang pehak Kerajaan ada memberi pinjaman kepada sharikat ini.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyak-kah boleh tuan Menteri ini memberi tahu Dewan ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Dukachita saya tidak dapat terangkan hari ini berapa banyak yang telah di-berikan, tetapi saya akan berikan angka² itu dengan tepat-nya kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak-kah sedar dengan saham sa-banyak 30% itu sahaja berma'ana Kerajaan tidak boleh menguasai Sharikat Perkapalan Kebangsaan ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Sa-lain daripada saham yang di-pegang oleh Kerajaan, kepentingan² orang Melayu yang di-wakili oleh Tabong Haji mempunyai sa-banyak sa-juta ringgit dan juga pehak Associated Chinese Chambers of Commerce juga mempunyai satu juta ringgit saham.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berapa peratus MARA yang mewakili orang Melayu mendapat saham ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: MARA tidak ada mengambil saham dalam badan ini hanya pehak Tabong Haji dan juga pehak swasta sa-banyak 800,000 saham.

KELAMBATAN PEMBAYARAN KAPADA KONTREKTER²

2. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapa pembayaran kepada Kontrekter² dan pembekal² lambat di-bayar, kadang² sampai lima atau enam bulan baharu di-jelaskan sa-lepas mereka menyudahkan kerja atau pun menghantarkan barang²; dan
- (b) tidak-kah Kerajaan berfikir kelambatan ini menyebabkan kenaikan harga tender² Kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, kelambatan pembayaran kepada kontraktor² dan pembekal² kadang² berlaku bila benda² yang di-beli itu terta'alok kepada jaminan mutu ya'ani subject of warrantee. Dalam jangka masa jaminan ini ada-lah di-fikirkan tidak menguntongkan bagi Kerajaan jika membayar sa-penoh-nya kepada kontraktor² tersebut. Sa-belum pembayaran di-buat ada-lah mustahak untuk mendapatkan contoh² benda itu untuk di-analisa atau di-pereksa oleh Badan² Bebas yang berkelayakan. Ujian yang demikian ada-lah memakan masa dan oleh itu pembayaran terpaksa di-tunda. Di-sebabkan keadaan itu, Perbendaharaan telah mengeluarkan Surat Pekeliling mengarahkan semua Jabatan² Kerajaan membuat pembayaran kepada Kontraktor² di-dalam masa 30 hari, asalkan bil² daripada pembekal itu di-sahkan betul dan kualiti benda² itu dipastikan betul. Sa-lepas Surat Pekeliling Perbendaharaan itu di-keluarkan terdapat hanya sedikit benar kelambatan pembayaran berlaku.

(b) Tidak ada tanda² yang menunjukkan bahawa harga yang di-tawarkan untuk tender² Kerajaan itu naik di-sebabkan oleh kelambatan pembayaran, dan memandangkan kepada kemajuan besar yang telah tercapai semenjak Surat Pekeliling Perbendaharaan yang tersebut tadi telah di-keluarkan, soal ini tidak patut timbul lagi.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun ada surat² pekeliling untuk membayar pembekal² dan kontraktor², tetapi banyak kontraktor², pembekal komplek atau merayu barang² yang telah di-bekalkan telah lama di-bekal, tak dapat juga di-bayar. Boleh jadi ini bukan-lah salah Kementerian, Kementerian Kewangan, boleh jadi salah daripada Pejabat². Maka boleh-lah Kementerian menulis surat kepada Pejabat² ini mengatakan, hendak-lah di-bayar dengan serta-merta apabila di-terima apabila Kerajaan telah menerima bil² itu.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya nyatakan tadi Perbendaharaan telah pun mengeluarkan Surat Pekeliling kepada pihak² Kementerian dan Jabatan supaya membayar dalam tempoh 30 hari. Jadi perkara ini tidak timbul lagi dan jika sa-kira-nya maseh ada lagi berlaku kelambatan pembayaran, saya berharap pihak yang berkenaan sila-lah ber-

hubung dengan Kementerian² atau Jabatan² yang berkenaan, atau pun berhubung terus mengadukan perkara ini kepada Menteri² yang berkenaan dengan masing² perkara itu dan salinan-nya boleh-lah di-kemukakan kepada Perbendaharaan atau pun Menteri Kewangan.

ORANG² BUKAN WARGANEGARA MENCHAMPORI POLITIK NEGARA

3. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apa-kah tindakan yang telah di-ambil terhadap orang² yang bukan warganegara yang menchampori politik Negara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr. Ismail): Tuan Speaker, untuk memberi gambaran yang sa-benar-nya berkaitan dengan maksud soalan Ahli Yang Berhormat, mustahak-lah saya membahagikan orang² bukan warganegara yang menchampori politik negeri ini dalam dua golongan:

- (i) orang² yang membuat lawatan singkat dengan chara "social visit pass". Orang² dalam golongan ini jika didapati terlibat dalam politik tempatan, kebenaran tinggal mereka akan di-tamatkan dan mereka akan di-perintah meninggalkan negeri ini. Sa-balek-nya pula jika orang² ini menjalankan kegiatan² "subversive" yang mengancam keselamatan negeri, sa-lain daripada mengusir mereka, Kerajaan ada juga kuasa menangkap dan menahan mereka di-bawah "Internal Security Act".
- (ii) orang² yang telah mendapat kebenaran tinggal tetap di-negeri ini. Berkenaan dengan golongan ini tindakan yang boleh di-ambil terhadap mereka bergantung-lah pula kepada chara² kegiatan politik yang di-mainkan oleh mereka—

- (a) Menchampori hal politik dalam parti² yang halal, ia-itu, yang telah di-daftarkan. Mengikut Undang² negeri ini hanya warganegara sahaja yang boleh menjadi ahli² parti siasah dan jika sa-kira-nya di-dapati di-antara satu² parti politik ada ahli²-nya terdiri daripada orang² yang bukan warganegara, pihak Pendaftar Pertubuhan ada kuasa, sama ada

untuk menasehatkan parti² berkenaan mengeluarkan orang² itu daripada parti² atau pun membatalkan pendaftaran parti tersebut dengan sebab tidak mengikut syarat² undang² Pertubohan;

- (b) mereka yang mengambil bahagian dalam parti² yang haram atau pun menjalankan kegiatan “subversive” yang mengancam keselamatan negeri, Kerajaan berkuasa sama ada menangkap dan menahan mereka di-bawah “Internal Security Act” atau pun mengusir mereka keluar di-bawah undang² Buang Negeri.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan orang² yang telah di-beri dudok di-sini, tetapi ta’ dapat warga-negara-nya. Di-waktu yang lampau dalam pilihanraya² orang² ini-lah yang chukup² masuk champor dalam politik negeri ini menyokong parti². Jadi dengan sebab itu, saya harap Kementerian yang bertanggung-jawab jikalau sa-kira-nya orang² yang bukan warga-negara yang dudok yang kita beri untuk dudok menetap ini masuk champor, maka hendak-lah di-buat satu undang² yang ketat betul². Kalau dia ta’ suka dudok dalam negeri ini, dia boleh chabut.

Tuan Yang di-Pertua: Soal-nya apa, soalan, tambahan-nya apa? Mesti ada soalan tambahan, kalau tidak, ta’ ada berhak hendak beruchap² begitu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan mengadakan satu undang² yang chukup ketat jikalau sa-kira-nya ia bukan warganegara masuk champor, berarak dalam parti² politik. Kerajaan mesti-lah mengambil tindakan yang chukup² berat kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah di-jawab tadi.

RUNGUTAN² BAGI JEMA‘AH² HAJI

4. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar ada-nya rungutan² yang di-buat oleh jema‘ah² haji yang telah pulang

dari Mekah pada tahun ini mengenai kesukaran² mereka dengan pehak² berkuasa Imegeresen di-Jeddah, pekedai², pemandu² teksi, penjaga² rumah tumpangan, harga barang² melambong tinggi dan 1001 macham kesukaran² lain, dan jika sedar, nyatakan ranchangan² Kerajaan mengenai rungutan² ini, dan sama ada Kerajaan berchadang untuk mengadakan sa-buah pejabat di-Mekah untuk mengendalikan hal² ini.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Tuan Abdul Taib bin Mahmud): Dato’ Yang di-Pertua, Kerajaan tidak sedar dan tidak menerima rungutan daripada Jema‘ah Haji mengenai kesukaran yang mereka alami dengan pehak berkuasa Imigeresen di-Jeddah. Kerajaan sedar mengenai ada-nya sa-bahagian pekedai² di-Mekah menjual barang² perniagaan dengan harga yang agak-nya tinggi. Kerajaan tidak dapat berbuat apa² dalam perkara ini, kerana di-mana² negeri pun jika terdapat ramai sa-kali orang berkumpul, maka harga barang pun akan naik.

Kerajaan tidak menerima apa² rungutan dari Jema‘ah Haji tentang kesukaran yang di-hadapi dengan pemandu² teksi di-tanah suchi.

Peratoran lalu-lintas Kerajaan Saudi mengenakan hukuman yang wajar, jika berlaku kekerasan, atau ugutan oleh pemandu teksi terhadap penumpang². Jika di-kemukakan pengaduan itu, tindakan tentu akan di-jalankan kepada pemandu² yang tidak bertanggung-jawab itu.

Berhubung dengan kesukaran yang di-hadapi oleh Jema‘ah Haji dengan penjaga² rumah tumpangan, perkara ini kurang jelas. Ada kemungkinan yang di-maksudkan itu ialah Sheikh² Haji yang mana salah satu tugas-nya ia-lah untuk menyediakan rumah² tumpangan. Jika di-maksudkan Sheikh² Haji Peratoran Kerajaan Saudi mewajibkan tiap² sa-orang bakal haji mengambil sheikh dan di-kenakan bayaran yang tertentu kepada mereka. Kerajaan Saudi akan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya ka-atas Sheikh² Haji yang tiada melaksana, atau mengabaikan kehendak undang² itu.

Sa-memang-nya ada Pejabat Rombongan Perubatan dan Pejabat Haji Malaysia di-Mekah. Pada musim haji yang lepas, kaki-tangan Malaysia terdiri daripada 48 orang ia-itu 39 dari rombongan perubatan sementara

9 orang lagi dari Lembaga Urusan dan Tabong Haji. Bilangan tersebut akan di-tambah pada musim haji yang akan datang ini.

Sa-ramai 12 orang lagi menjadikan jumlah kesemua-nya 60 orang. Ada-lah di-chadangkan pada musim haji yang akan datang, Lembaga akan mengambil 10 orang penuntut² yang ada di-Mekah untuk membantu rombongan yang tersebut di-atas.

SHARAT² KELAYAKAN MENDAPAT LESEN TEKSI

5. Tuan V. David minta Menteri Pengangkutan menyatakan syarat² dan kelayakan² bagi mendapatkan lesen teksi yang telah di-keluarkan kepada nombor² yang berikut:

- (a) H 8951, H 8952, H 8953, H 8954 dan H 8955
- (b) H 8921, H 8922 dan H 8923
- (c) H 8941

sama ada pemegang² lesen ini menjalankan teksi² mereka sendiri.

Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, syarat² yang di-kenakan terhadap lesen² teksi itu ada-lah seperti berikut:

- (a) Dari H 8951 hingga H 8955 di-keluarkan dengan syarat—
 - (i) bahawa 80% daripada bakal² pemandu-nya hendak-lah terdiri daripada bekas pasokan keselamatan;
 - (ii) bahawa teksi² tersebut hendak-lah berpangkalan di-Georgetown.
- (b) Kereta H 8921 hingga H 8923 di-keluarkan dengan syarat bahawa semua bakal pemandu hendak-lah diam di-pangkalan Georgetown.
- (c) H 8941 di-keluarkan dengan syarat bahawa teksi itu hendak-lah di-pandu oleh Enche' Ahmad bin Hussin.

Fasal kelayakan-nya, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan telah berpuas hati bahawa pemohon² seperti tersebut di-atas mempunyai kebolehan dan kelayakan seperti berikut:

- (i) Pemohon² dan pemandu² diam di-pangkalan,

- (ii) Pemohon (a) memberi keutamaan kepada bekas pasokan keselamatan,
- (iii) Berkemampuan untuk menjalankan perkhidmatan teksi,
- (iv) Memberi peluang bekerja kepada pemandu² teksi yang tidak berkemampuan memiliki teksi sendiri.

Pertanyaan berkenaan dengan ada-kah pemegang lesen menjalankan teksi mereka masing². Jawapan-nya ada-lah sa-suatu lesen teksi yang di-keluarkan hendak-lah di-kawal perjalanan-nya oleh pemegang lesen sendiri Mereka boleh menggunakan pemandu² dengan syarat segala perjalanan teksi itu hendak-lah di-kawal oleh pemegang lesen. Sa-kira-nya mereka tidak mengawal perjalanan teksi-nya, maka boleh-lah di-laporkan kepada Kementerian Pengangkutan untuk di-ambil tindakan.

Tuan V. David: (Dengan izin) Supplementary question. Will the Minister confirm that among the numbers quoted here, at least a few taxis are owned by the Ex-Deputy Chief Minister of Pulau Pinang? I would like to clarify, Sir, "Ex-Deputy Chief Minister" means during the Alliance period.

Tuan Yang di-Pertua: Will the Honourable Member repeat the question because it is not very clear.

Tuan V. David: I just want to know among the numbers quoted here, is there any number where the owner was once the Deputy Chief Minister of Pulau Pinang?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang yang saya tahu tidak ada Deputy Chief Minister, di-Pulau Pinang.

Tuan V. David: Sir, whether.....

Tuan Yang di-Pertua: Boleh berchakap dalam Bahasa Kebangsaan?

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah teksi² yang nombor-nya ada di-terangkan atas nama Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang? Menteri yang dahulu, bukan sekarang.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang yang kita tahu di-sini, yang lima buah teksi yang kita sebutkan tadi ada-lah di-punya oleh sa-buah sharikat bernama Island Taxi, Pulau Pinang dan

soalan (b) itu di-punyaĩ oleh P.A. Dass dan yang tiga lagi di-punyaĩ oleh Enche' Ismail bin Hashim. Nampak-nya tidak ada yang di-punyaĩ oleh Ex-Deputy Chief Minister of Penang.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah orang ini dahulu biasa bawa teksi?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang sudah di-terangkan tadi boleh jadi mereka ini tidak membawa teksi-nya sendiri, tetapi Lembaga Pelesenan kita berpuas hati yang mereka ada termasuk dalam syarat yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rancangan Kerajaan ada mengatakan bahawa siapa yang membawa teksi sahaja yang boleh di-bagi lesen, tetapi kami nampak orang yang tidak memandu teksi juga mendapat lesen, bagaimana. Bolehkah Menteri bagi keterangan?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak betul. Ada juga kita beri mengikut keadaan. Ada yang di-beri kepada company dan ada juga tempat itu tidak ada orang yang meminta, yang dia drive sendiri. Jadi, dengan sebab itu yang meminta itu pakai lain orang yang tinggal di-situ.

Dr. A. Soorian: (*Dengan izin*) Is it true, Honourable Minister of Transport, that a former Minister has been given 3 taxi licences?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Ini soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya!

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: On a point of information. The Minister has no right to "give" taxi licences to anybody; they have got a Board.

Dr. A. Soorian: Is it illegal for a person to get a taxi licence and pass it on to someone else to drive it for him?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Itu tergantung kepada syarat² sa-waktu kita keluar-kan lesen itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri kata, kalau sa-orang pemegang lesen, dia bagi lain orang pajak, membawa kereta itu salah. Ada-kah Kementerian Pengangkutan ada ambil aksi atas keadaan ini?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun terangkan dalam penjelasan yang sudah, action kita sudah ambil, aksi tidak (*Ketawa*).

PENTADBIRAN KERETAPI—SEBAB² TIDAK MEMUASKAN

6. Tuan V. David minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab² pentadbiran yang tidak memuaskan oleh Keretapi Tanah Melayu;
- (b) sama ada benar di-dalam pengambilan pekerja² keutamaan di-berikan kepada ahli² parti politik yang tertentu; dan
- (c) bilangan jawatan² yang telah kosong di-sebabkan oleh dasar baru yang di-jalankan oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu ada-lah umum, tetapi walau bagaimana pun Pentadbiran Keretapi sedang mengambil langkah² bagi memperkemaskan perlengkapan jentera pentadbiran-nya. Penyusunan sa-mula Ibu Pejabat ini ada-lah di-laksanakan mengikut perakuan Laporan² Jawatan-kuasa dan juga Laporan daripada Bahagian Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri yang telah di-lantek oleh Kabinet. Tindakan tegas itu ada-lah seperti berikut:

- (i) Menubuhkan Bahagian Penyelidekan;
- (ii) Memperkemaskan Bahagian Gerakan;
- (iii) Memperkemaskan Bahagian Perdagangan dan perlantekan sa-orang Pegawai Perhubungan Raya.

Jawapan yang kedua, pengambilan pekerja² ada-lah di-jalankan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi mengikut peruntukan di-dalam Perlembagaan. Surohanjaya ini ada-lah satu badan yang bebas daripada pengaruh² politik. Oleh itu tuduhan yang mengatakan di-dalam pengambilan pekerja² keutamaan di-berikan kepada ahli² parti politik yang tertentu itu ada-lah tidak benar.

Jika sa-kira-nya dasar baharu yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah dasar berkaitan dengan susunan sa-mula Ibu Pejabat Pentadbiran, maka tidak-lah jawatan² yang kosong di-sebabkan oleh susunan sa-mula tersebut.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Supplementary question. Will the Minister consider allowing the Malayan Railway to be run by private enterprise rather than by the Government since the Government is unable to show a profit for the running of the Malayan Railway?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini kita tidak-lah berchadang berbuat demikian.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri memeriksa Jabatan Keretapi berapa kekosongan jawatan yang ada sa-hingga tidak di-penuhi oleh pekerja² lagi? How many vacancies do exist in the Malayan Railway at the moment?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini sudah tentu dapat di-beri kalau Ahli Yang Berhormat itu beri saya tempoh, tetapi pada waktu ini susah-lah saya hendak mengingatkan semua angka² itu.

PIJAT² DALAM GERABAK² PENUMPANG² KERETAPI

7. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Pengangkutan sama ada beliau sedar bahawa di-dalam Gerabak² Penumpang² Keretapi Tanah Melayu terdapat banyak pijat², dan ini-lah satu daripada sebab²-nya mengapa Keretapi Tanah Melayu mundur dan sama ada Kementerian beliau akan mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sentiasa mengambil segala usaha bagi menghapuskan pijat² dan serangga lain. Daripada pemeriksaan yang di-jalankan oleh pegawai² tidak di-dapati apa² pijat² dan lipas saperti yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*). In view of the fact that the coaches in our railways are always very dirty and filthy and

full of bugs, and in view of the fact that the Malayan Railway Administration has always shown a loss for the last few years, will the Government consider allowing Malayan Railway to be run by private enterprise rather than by the Government itself which has proved to be very inefficient?

Dato' Haji Abdul Ghani bin Gilong: Jawapan-nya saya sudah berikan tadi, Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali tidak berapa jelas jawapan kepada Ahli Yang Berhormat itu. Chuba lagi sa-kali. The answer is not very clear.

Dato' Haji Abdul Ghani bin Gilong: Sa-bagaimana saya telah terangkan tadi, Dato' Yang di-Pertua, bagi pendapat Ahli Yang Berhormat itu barangkali begitu tetapi pendapat kita tidak. Kerana sa-bagaimana saya terangkan tadi, kita ada-lah berusaha dengan sa-berapa boleh untuk mengemaskan dan memperbaiki perjalanan keretapi kita. Kita tidak berdiam², kita chari dengan sa-berapa boleh jalan untuk improve kita punya service dan keadaan dalam Railway dan saya perchaya kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat dari sana, Railway kita akan lebeh baik lagi, dan saya berharap beliau akan memberi kerjasama dengan kita.

Dr. A. Soorian: (*Dengan izin*) Could the Minister kindly tell us whether he is aware that because of the poor links in the railway service in the East Coast the timber logging there has experienced considerable difficulty in the transport of the logs?

Tuan Yang di-Pertua: As far as I can see, this has got nothing to do with the pijat² here.

MENCHEGAH PENYELUDUPAN BERAS MALAYSIA—THAILAND

8. **Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sa-takat mana-kah kejayaan rundingan di-antara Kerajaan Thai dan Malaysia mengenai usaha mencheгах penyeludupan beras dari Negeri Thai ka-Malaysia.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, sa-takat ini perundingan di-antara perwakilan Kerajaan Malaysia dan Kerajaan

Negeri Thai mengenai penyeludupan beras dan barang² lain baharu di-adakan sekali sahaja. Perundingan itu merupakan perundingan permulaan sahaja dengan tujuan:

- (i) Bagi mengetahui apa-kah barang² yang terlibat di-dalam penyeludupan itu.
- (ii) Bagaimana-kah chara penyeludupan itu di-jalankan.
- (iii) Apa-kah chara yang perlu di-ambil untuk menchegegah penyeludupan itu.

Dalam perundingan itu, Kementerian saya telah di-beritahu oleh perwakilan Negeri Thai ia-itu negeri-nya telah ada satu Jawatan-kuasa untuk menchegegah penyeludupan beras dan dengan ini satu meshuarat di-antara dua negeri itu akan di-adakan sa-kali lagi di-negeri Thai pada awal tahun 1972. Kementerian saya berpendapat dengan ada-nya Jawatan-kuasa bagi kedua² pihak maka langkah untuk menchegegah penyeludupan boleh berjalan bertambah pesat dan berkesan oleh kerana penukaran ma'alumat mengenai chara² dan butir² yang di-perlukan dapat di-ketahui oleh kedua² pihak dan langkah yang berkesan akan dapat di-ambil.

PENYELUDUPAN BERAS MELALUI PADANG BESAR/KUALA PERLIS

9. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan ada-kah beliau sedar bahawa penyeludupan beras dari Negeri Thai melalui Padang Besar dan Kuala Perlis sedang berlaku dengan bebas-nya.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah tidak benar bahawa penyeludupan beras dari negeri Thai ka-Malaysia berlaku dengan bebas-nya dengan kerana beberapa penangkapan telah pun di-buat dari satu masa ka-satu masa.

BERAS YANG DI-IMPOT KA-MALAYSIA—JUMLAH

10. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan berapa tan-kah beras yang di-impot ka-Malaysia bagi tiap² tahun dan sila nyatakan negeri² dan jumlah dari tiap² negeri.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, jumlah beras yang di-impot dari tahun 1968 hingga 1971 ada-lah seperti berikut:

Jumlah di-impot ka-Malaysia dalam kiraan tan

Negeri	Mei			
	1968	1969	1970	1971
Thailand ...	169,448	139,324	107,159	22,940
China ...	43,191	53,875	95,126	8,391
Burma ...	6,656	23,558	43,804	900
Kemboja ...	206	67	577	200
Vietnam ...	—	906	18,925	—
Lain ² Negeri	20,991	9,225	1,883	2,550

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Menteri yang berkenaan menyatakan dalam Dewan ini beras daripada negeri mana-kah yang murah kalau di-bandingkan dengan negeri² yang mengimpot beras ka-negeri ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, daripada segi harga, beras daripada negeri China-lah yang habis murah sa-kali.

Tuan Goh Hock Guan (*Dengan izin*) Will the Minister inform us when Malaysia could be a rice-exporting country instead of being as at presently a rice-importing country?

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) We will have to see the condition in about 1973 or 1974.

Dr. A. Soorian: (*Dengan izin*) Will the Minister tell us whether it would be profitable to export rice in the first place at all?

Tuan Mohamed Khir Johari: Nothing is impossible, Sir. (*Ketawa*)

PERATORAN PERTAHANAN LIMA KUASA

11. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada di-bawah Peratoran Pertahanan Lima Kuasa antara Britain, Australia, New Zealand, Singapura dan Malaysia; Malaysia berhak membantu Brunei sa-bagai sa-buah negeri di-bawah naongan Britain, jika ia di-serang oleh musuh dari luar atau berlaku pemberontakan di-dalam negeri.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail): Dato' Yang di-Pertua, Peratoran Pertahanan Lima Negara tidak meliputi Brunei, oleh

yang demikian perkara memberi bantuan kepada negeri itu jika di-serang dari luar atau berlaku pemberontakan di-dalam ada-lah tidak timbul.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*). Will the Honourable Minister please inform us under what conditions Malaysia could conceivably be asked to assist in the defence of Singapore under the Five-Power Defence Arrangement?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: (*Dengan izin*). We do not embark on hypothetical cases; we only embark on realities. So when the time comes, we will answer the question.

Tuan Goh Hock Guan: I have heard that answer before when we were talking about the Butterworth Airbase. By the time the Communist guerrillas captured the Butterworth Airbase or the Island City of Singapore, it would be too late to consider the matter. Would the Honourable Minister, or the Government, seriously consider these matters before they happen? Jikalau perkara ini telah berlaku, saya ingat masa itu sudah terlambat.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Kita akan timbang. Biar dia berlaku, kita boleh hadapi.

Tuan Goh Hock Guan: I am afraid that is the kind of answer.....

Tuan Yang di-Pertua: Is it a supplementary question or is it a debate? This is not the time for it.

Tuan Goh Hock Guan: My Supplementary question, Mr. Speaker, Sir, is this: would the Honourable Minister please give an assurance to this House and the country that he would consider these matters very early instead of waiting until the last moment?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: (*Dengan izin*) I think the Honourable Member is aware of the nature of the Five-Power Defence Arrangement. The essence of the arrangement is that it is a political commitment of a consultative nature. In the event of any occurrence or eventuality, we then discuss. That is the consultative nature of the arrangement.

Tuan Goh Hock Guan: Mr. Speaker, Sir, of what use is a defence agreement if the

whole purpose of it is not defence. The whole purpose of a defence agreement is not consultation; the purpose behind it all is defence, to come to the aid of either Malaysia or Singapore, in the event of aggression. We are not interested in consultation, Sir, we are interested in protecting the lives, the properties, and the countries—Malaysia and Singapore. So my question is this: Will the Minister give us an early assurance that these matters will be considered early, and the House will be informed of the measures that will be taken?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Mr. Speaker, Sir, I have said the arrangement is of a consultative nature; so the answer to that is that consultation must be held before any action can be taken. We cannot commit, although we have something in mind at the moment.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan atas jawab Yang Berhormat Menteri berhubung dengan soalan saya tadi, sa-kira-nya negeri Brunei itu di-serang oleh musuh dari luar negeri dan Brunei itu dibawah naongan British, ketika itu atas Perjanjian Peratoran Pertahanan ini, boleh-kah atau tidak Malaysia membantu British untuk mengelakkan serangan dari luar kepada negeri Brunei itu?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Itu tidak berbangkit, kita tidak ada hak dalam Perjanjian ini memberikan apa² bantuan. Saya sudah terangkan dalam jawapan saya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada satu perkembangan baharu dalam Peratoran Lima Negara ini, ia-itu kita telah di-burokkan oleh negara² sahabat ini konon-nya Perjanjian Pertahanan Lima Negara ini dengan tujuan hendak berperang dengan komunis. Ada-kah Kementerian ini sedar dan kalau sudah sedar, sudah-kah di-nafikan da'ayah yang kotor itu?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Tidak betul, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Goh Hock Guan: Mr. Speaker, Sir, I do not wish to appear to be taking on the Minister all the time, but this question seems to me to be too important. My supplementary question is this. What kind of

defence arrangement is this, if all we have got up-to-date is that we will just consult each other—I mean, that is the standard answer. The question which I want to ask is this: have contingency plans been worked out among these five powers which have come to this agreement? In other words, if this thing should happen, this is what we are going to do; if another thing should happen, this is what we are going to do. These things may appear to be hypothetical at this stage. But I submit that it will not be very hypothetical before very long. So, have contingency plans been worked out for different sets of circumstances?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Mr. Speaker, I have said that the nature of the arrangement is consultative. That being the case, we are aware of this arrangement of consultative nature. That is the very essence because we are a country who have gained independence, we are sovereign by ourselves, and I think there are countries in this world that have no defence arrangement or agreement with other countries. So in this case we have this arrangement. There is no necessity at the moment to envisage what steps should be taken, although we have something in mind at the moment, as I said just now.

Tuan Goh Hock Guan: If that is the case—just one last question—is it of any use to us to have such a Five-Power Defence Arrangement, since it would seem from the answers we have got, such a defence arrangement will create more enemies than create more friends. If all that we have got behind the Defence Agreement is merely to consult, we can consult other people even without the need of a Defence Agreement.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Although this question is not connected directly, Mr Speaker, I will try to answer the question. We at the moment have an arrangement, as I have said, of a consultative nature. We are prepared to do what we can. There is no necessity to envisage what is going to happen, or prepare all the commitments that we may have to do at the moment. So, my answer to what the Honourable speaker says is, it is useful, it is necessary, and indeed, it is important to us.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya hen-

dak tanya satu sahaja, ada-kah Inggeris, Australia, New Zealand dan Singapura ini kaseh kapada kita?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak berapa dengar.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Adakah Australia, Inggeris dan New Zealand itu kerana kaseh kapada kita hendak mempertahankan negeri kita atau pun jika mithal-nya Hong Kong, atau New Zealand, atau Australia di-langgar oleh musuh boleh atau tidak kita menolong mereka itu? Itu sahaja.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Dato' Speaker, saya rasa mereka itu merindu² sangat, berchita² sangat dengan kita.

SHARIKAT PERKAPALAN KEBANGSAAN—MENJALANKAN PERKHIDMATAN

12. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bila Sharikat Perkapalan Kebangsaan akan menjalankan perkhidmatan-nya;
- (b) jumlah saham yang di-untokkan kepada bumiputra;
- (c) bilangan pekerja yang akan di-ambil dengan memberi angka berasingan bagi bumiputra, bukan-bumiputra dan pegawai² asing; dan
- (d) sama ada mereka telah di-beri latihan.

Dato' Haji Abdul Ghani bin Gilong: Dato' Yang di-Pertua, jawapan-nya:

- (a) Sharikat Perkapalan Kebangsaan yang di-daftarkan dengan nama Sharikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia pada bulan Oktober, 1968 telah pun mula berjalan daripada November, 1969 dengan menggunakan dua kapal yang telah di-pakai. Kedua² buah kapal itu bernama "Malaysia Pertama" dan "Malaysia Maju". Sekarang kedua² buah kapal itu telah pun dijual dan di-ganti dengan dua buah kapal yang baru ia-itu "Bunga Raya" dan "Bunga Melor." Bunga Raya mula berkhidmat berjadual dalam bulan November, 1970. Sekarang ini ditambahkan pula dengan sa-buah kapal

Muhibbah bernama "Bunga Orkid" yang di-berikan kepada Kerajaan Malaysia oleh Kerajaan Jepun dan Kerajaan Malaysia menyewakan kepada Sharikat Perkapalan Antarabangsa ini. Sa-hingga tahun 1974 sharikat tersebut akan mempunyai 8 buah kapal barang² dagangan 'am, dua buah kapal bagi muatan serpeh kayu, sa-buah kapal membawa barang² pukal dan sa-buah kapal muatan minyak-mentah.

- (b) Jumlah saham untok bumiputra melalui Lembaga Tabong Haji seperti yang di-terangkan oleh rakan saya Menteri Perdagangan dan Perusahaan tadi ia-lah satu juta saham berharga \$1 juta. Dan sa-lain daripada itu orang² bumiputra juga di-untokkan saham dari bahagian pehak swasta.

- (c) (i) Kaki-tangan di-darat:

<i>Bumiputra</i>	<i>Bukan Bumiputra</i>	<i>Orang Dagang</i>
40	63	5

- (ii) Kaki-tangan dalam kapal:

<i>Bumiputra</i>	<i>Bukan Bumiputra</i>	<i>Orang Dagang</i>
60	58	25

- (d) (i) Kaki-tangan di-darat:

Bilangan kaki-tangan yang menerima latehan di-dalam berbagai² aspek perkapalan ia-lah:

<i>Bumiputra</i>	<i>Bukan Bumiputra</i>	<i>Orang Dagang</i>
4	4	—

- (ii) Kaki-tangan dalam kapal:

Sa-lain daripada mengambil kelasi² yang tidak ada latehan dan di-beri latehan dalam kapal Sharikat Perkapalan ini juga memberi latehan dalam kapal itu kepada penuntut² yang di-biaya² oleh Kerajaan Malaysia seperti berikut:

<i>Bumiputra</i>	<i>Bukan Bumiputra</i>	<i>Orang Dagang</i>
5	4	—

- (iii) Kerajaan telah memulakan sa-buah sekolah kelasi di-Pulau

Pinang untok dapat mengeluarkan kelasi² yang terlateh lebeh kurang 100 orang pada tiap² tahun dan bilangan ini akan di-tambah sa-kira-nya ada permintaan yang lebeh daripada ini.

Tuan James Stephen Tibok: Boleh-kah Yang Berhormat Menteri menerangkan adakah saham² itu di-beli juga oleh ra'ayat bumiputera di-Sabah, kalau ada berapa peratuskah jumlah-nya?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, pada mula-nya ada kita offer dan saya perchaya tentu ada juga yang telah mengambil tetapi pada waktu ini tidak-lah yang saya dapat terangkan berapa yang sudah di-ambil tetapi mungkin ada orang Sabah yang sudah mengambil bahagian.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Supplementary question. Is the Minister aware of the enormous amount of money we have to waste on the Far Eastern Shipping Conference because of the delay in getting the National Shipping Company into operation, that we lose to the tune of nearly \$300,000,000 a year, money having to be spent on these international cartels?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah soalan lain.

MALIM² TEMPATAN—KEKURANGAN BERTARAF ANTARABANGSA

13. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) usaha² yang telah di-buat oleh Kementerian bagi mengatasi kekurangan malim² tempatan yang bertaraf antarabangsa di-pelabohan²; dan

- (b) bilangan kapal yang di-punya² oleh Sharikat Perkapalan Kebangsaan dan berat muatan bagi sa-buah kapal.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga sekarang perusahaan perkhidmatan malim atau pun harbour pilot di-pelabohan² Pulau Pinang dan Swettenham di-jalankan oleh pehak Persatuan Persendirian Malim². Mula² daripada awal tahun 1972 ini perusahaan tersebut akan di-ambil alih oleh Lembaga Pelabohan yang berkenaan. Pada masa perusahaan malim² ini di-jalankan oleh Persatuan Persendirian sa-chara perniagaan bilangan malim² tersebut

yang di-gaji ada-lah tidak menchukupi, tetapi majikan mereka mengator pekerjaan giliran dan bilangan jam kerja ada-lah berlebihan daripada yang patut. Amalan ini mendapat bantahan daripada pekerja² malim² tersebut, tambahan pula mereka² yang menjalankan perkongsian—partnership itu terdiri daripada orang² dagang yang sa-lain daripada gaji mereka mendapat keuntungan yang besar didalam perusahaan ini. Apabila perusahaan ini di-ambil alih oleh Lembaga Pelabohan yang tersebut tadi bilangan malim² yang perlu di-gajikan terpaksa di-tambah kerana masa kerja ada-lah di-had. Untuk menampungkan kekurangan malim² ini kedua² lembaga itu akan mengambil malim² daripada luar negeri bekerja sa-chara kontrak sementara menanti kepulangan pegawai² tempatan yang sedang di-latehkan. Bilangan penuntut² yang di-hantar oleh Kerajaan pada tahun 1961 sahingga sekarang untuk latehan menjadi nahkoda kapal dan juga malim² sudah meningkat 70 orang banyak-nya dan tiap² tahun akan di-hantar 40 orang sa-hingga menchukupi keperluan. Dengan kerana bilangan yang banyak di-hantar chuma-nya di-antara 1969 hingga 1971 dan mengambil masa 4 hingga 5 tahun sa-belum chalun² tersebut mendapat kelayakan menjadi malim, dan di-antara 7 hingga 8 tahun bagi mereka untuk melayakkan diri sa-bagai nahkoda kapal maka terpaksa-lah dalam masa ini kita bergantung kepada malim² dari luar negeri yang di-ambil sa-chara kontrak.

Jawapan kepada pertanyaan yang kedua, kapal² kepunyaan sharikat Perkapalan Antara-bangsa Malaysia ia-lah 12 buah semua dan sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat ingin tahu nama² tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

- (i) Bunga Raya—yang akan di-muatkan dengan barang dagangan 'am, berat muatan-nya 12,900 tan;
- (ii) Bunga Melor—barang dagangan juga, begitu juga muatan dia 12,900 tan;
- (iii) Bunga Orchid—barang dagangan 11,300 tan.
- (iv) Bunga Tanjong—muatan barang dagangan 11,300 tan;
- (v) Yang belum ada nama—Haul No. 960, barang dagangan, 11,200 tan; Haul No. 961, barang dagangan, begitu juga 11,200 tan muatan dia, Haul No. 964, barang dagangan muatan dia 12,900 tan,

Haul No. 695 barang dagangan begitu juga 12,900 tan, Haul No. 139 barang² pukal 33,000 tan, Haul No. 946 membawa serpeh kayu, 29,500 tan, Haul No. 956 membawa serpeh kayu, 29,500 tan juga, Haul No. 937 yang terbesar sa-kali membawa minyak bijeh 165,000 tan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dengan banyak-nya kapal yang di-sebut oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tadi, ada-kah Kerajaan berchadang pada masa akan datang mengadakan wokshop bagi memperbaiki kapal² kita itu dan pada masa sekarang kapal kita rosak di-mana wokshop kita hantar?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa dengar maksud dia.

TENTERA² WATANIAH—KEMAJUAN DI-CHAPAI

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertahanan menyatakan kemajuan² yang telah di-chapai oleh Tentera Wataniah dari segi kelengkapan, latehan dan sa-bagai-nya.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga hari ini 3 battalion Askar Wataniah telah pun dikerah untuk bertugas sa-penoh masa. Latehan yang di-beri ada-lah sa-rupa dengan latehan yang di-berikan kepada anggota² tentera biasa. Pasokan Pertahanan Tempatan yang merupakan satu chawangan Pasokan Askar Wataniah juga sedang di-beri latehan 4 kali dalam satu bulan dan mereka² ini juga di-kehendaki menghadiri perkemahan tahunan sa-lama 4 hari tiap² tahun.

Pasokan Askar Wataniah yang di-kerah berkhidmat penoh masa di-lengkapkan sama seperti askar² biasa, manakala Angkatan² Pasokan Pertahanan Tempatan buat sementara ini di-beri senapang patah dan rifle. Ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk membekalkan senjata² moden bukan sahaja kepada askar² biasa kita, tetapi juga kepada suka-relawan² tetapi oleh kerana kebesaran Angkatan² Tentera Malaysia sedang berlaku dengan pesat-nya sekarang ini keutamaan terpaksa-lah di-beri kepada askar² biasa.

Dato' Haji Abdul Razak bin Hussin: Adakah Kerajaan berchadang supaya Askar

Wataniah ini jadikan satu pasokan tetap—Tentera Wanita Malaysia umpama-nya?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Saya ta'berapa faham wanita hendak menjadi Askar Wataniah, macham mana?

Dato' Haji Abdul Razak bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bagini, pada masa ini Tentera Wataniah yang di-dalam-nya ada kaum wanita, ada-kah Kerajaan berchadang supaya menjadikan satu pasokan yang tetap bagi tentera² wanita kita pada masa akan datang?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Buat masa sekarang ini tidak ada ranchangan lagi.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Supplementary question. Will the Government consider the training and equipping of a Citizens' Army for the defence of Malaysia?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: (*Dengan izin*) We do not envisage a Citizens' Army at the moment, Mr. Speaker, Sir.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, my question was, will the Government consider the establishment of such a Citizens' Army to supplement the efforts of our Armed Forces?

Tuan Yang di-Pertua: Jawab-nya tiada.

BEKAS² PERAJURIT—KEUTAMAAN MEMBERI KERJA

15. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Muda Pertahanan menyatakan sa-jauh mana telah di-chapai dalam perlaksanaan polisi Kerajaan memberi keutamaan kepada bekas² perajurit dalam pemberian kerja.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Dato' Speaker, ada-lah menjadi dasar Kerajaan bahawa bekas anggota tentera kita apabila di-berhentikan dari perkhidmatan mereka di-berikan peluang mendapat pekerjaan. Dalam perlaksanaan dasar ini, Kerajaan telah pun memberi keutamaan kepada bekas² anggota tentera dalam pekerjaan² tertentu dengan Kerajaan. Sementara itu segala daya usaha untuk mendapatkan pekerjaan bagi mereka di-kalangan swasta juga sedang di-jalankan. Sa-hingga sekarang

lebih daripada 300 orang bekas anggota tentera telah mendapat pekerjaan dalam berbagai bidang.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Boleh-kah Kementerian yang bersangkutan memberi peluang yang lebih kepada bekas² perajurit yang telah tamat perkhidmatan-nya dengan Kerajaan yang umur-nya maseh 35 tahun, yang tenaga-nya maseh kuat, di-beri peluang menjadi Tentera Wataniah?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Dato' Yang di-Pertua, semua lepasan, kebanyakan-nya ada juga anggota tentera yang bersara dalam umur 30 tahun, dia masok Askar Wataniah. Peluang itu di-beri sentiasa, sa-siapa pun boleh masok, tambahan pula anggota Tentera yang telah berkhidmat dan telah bersara.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-bagaimana jawapan Menteri yang bersangkutan itu, tetapi ada juga sungutan yang di-terima daripada bekas² perajurit yang mereka itu tidak di-pilih bila temu duga, barangkali oleh sebab sa-suatu tekanan politik. Adakah boleh Menteri Keselamatan menolak akan tuduhan² ini?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Dato' Yang di-Pertua, saperti saya kata tadi, kita tidak menolak tetapi banyak sangat orang yang hendak masok. Jadi, kita kena-lah berikan keutamaan, tetapi kita menggalakkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sadikit sahaja soalan tambahan saya. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi angka pada Dewan ini, banyak mana bekas² perajurit yang telah mendapat pekerjaan yang di-ketahui oleh Kerajaan, sama ada di-dalam Ranchangan LKTP atau pun di-dalam lain² ranchangan² Kerajaan atau pun di-dalam bidang swasta.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Dato' Yang di-Pertua, boleh, tetapi saya minta notis.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soalan sudah chukup.

(Masa untok Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukup, dan jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 16 hingga 33 ada-lah di-beri di-bawah ini).

HADIAH KAPALTERBANG² KEGUNAAN TENTERA

16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Malaysia pernah di-hadiahkan dengan kapalterbang² untuk kegunaan Tentera bagi maksud² pertahanan, dan jika ia berapa dan dari negeri mana.

Perdana Menteri: Maklumat yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat sudah pun di-berikan dalam jawapan bertulis yang di-beri kepada beliau sa-masa persidangan Penggal Pertama pada bulan Februari/Mach tahun ini. Ahli Yang Berhormat adalah di-jemput merujuk kepada muka surat 148 Tambahan No. 3 rekod Jawapan² Bertulis yang telah pun di-sediakan oleh pehak Parlimen.

The information sought by the Honourable Member has in fact been supplied to the Honourable Member when my Ministry made a written reply to the Honourable Member in the First Session of this House in February/March this year. I invite the Honourable Member to refer to page 148 of Supplementary No. 3 on Written Answers which has been published by Parliament.

PELAKSANAAN SUROHANJAYA AZIZ KERANI² SEKOLAH

17. Dr. Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bila-kah shor² Surohanjaya Aziz berkaitan dengan kerani² sekolah serta lain² kakitangan bukan guru akan di-laksanakan.
- (b) ada-kah beliau sedar akan kegusaran di-kalangan kakitangan² bukan guru ini di-sebabkan layanan tidak adil dan saksama yang telah di-berikan kepada mereka sa-lama ini.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn):

- (a) Memandangkan bahawa perkhidmatan kerani dan perkhidmatan² bukan guru yang terdapat di-sekolah² terdapat juga dalam perkhidmatan Kerajaan, maka Kerajaan telah membuat keputusan untuk memberi pilihan kepada kerani² sekolah dan kakitangan² bukan guru yang lain itu memasokki perkhidmatan

Kerajaan atas tangga² gaji, syarat² dan peratoran² perkhidmatan Suffian seperti yang telah di-tawarkan kepada perkhidmatan² yang sa-rupa dalam Kerajaan. Dengan yang demikian, shor² Laporan Aziz seperti yang terkandung dalam laporan asal berkenaan dengan kerani² sekolah dan kakitangan² bukan guru yang lain tidak akan di-laksanakan.

- (b) Ya, saya sedar akan perasaan yang telah di-timbulkan oleh mereka itu.

SEBAB² KEMATIAN PANG CHEW MENG

18. Dr. Tan Chee Khoon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab² kematian Enche' Pang Chew Meng di-Pusat Tahanan Muar.

Tun Dr. Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: Enche' Pang Siow Mien telah meninggal dunia di-Hospital Daerah, Muar pada 10. 3. 71 kerana mengidap penyakit buah pinggang—"Uraemic Carditis secondary to Acute Renal Failure."

PENOLAKAN KEWARGANEGARAAN ENCHE' LEE PUE SONG

19. Dr. Tan Chee Khoon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sebab apa-kah permohonan kewarganegaraan sa-orang bernama Enche' Lee Pue Song, di-daftarkan sa-bagai Kuantan 75/69 telah di-tolak;
- (b) ada-kah beliau sedar bahawa Enche' Lee Pue Song sangat ingin menjadi warganegara negeri ini dan sa-kiranya sebab penolakan tiada di-beritahu kepada-nya, ia tidak akan dapat me-layakkan diri-nya.

Tun Dr. Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: (a) Jaya atau tidak-nya permohonan² yang di-buat bawah Perkara 19 (1) (a) (i) Perlembagaan ada-lah bergantung kepada "discretionary power" yang di-beri kepada Kerajaan. Pada lazim-nya apabila memberi keputusan kepada sa-suatu permohonan yang di-tolak, Kerajaan tidak perlu memberi apa² sebab kepada pemohon. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, "guide lines"

yang di-gunakan oleh Kerajaan apabila menimbangkan sa-suatu permohonan ada-lah seperti berikut:

Permohon²—

- (i) tidak mempunyai apa² rekod dari segi keselamatan;
- (ii) berkelakuan baik dan tidak ada di dalam rekod jenayah;
- (iii) memuaskan kerajaan bahawa ia berniat hendak tinggal sa-lama²-nya dan menchurahkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negeri ini; dan
- (iv) berakar di-negeri ini, ia-itu ibu dan bapa-nya warganegara dan tinggal di-sini. Ia sudah berkahwin dengan sa-orang warganegara dan mempunyai anak² yang lahir di-negeri ini. Untuk menunjokkan yang sa-saorang itu betul² berakar maka ia-nya mempunyai harta benda dan menanam modal pula (jika ada) di-dalam negeri ini.

(b) Saya sedar ia-itu Enche' Lee Pue Song sangat ingin menjadi warganegara negeri ini. Sunggoh pun begitu Kerajaan berpendapat bahawa Enche' Lee belum lagi ada "merit" untuk di-pertimbangkan menjadi warganegara. Walau bagaimana pun, Enche' Lee boleh mengulangi permohonan-nya jika ia boleh memberi bahan² baharu berkenaan diri-nya untuk di-pertimbangkan oleh Kerajaan.

TINDAKAN MENGHARAM KE-MASOKAN HIPPI² DARI LUAR NEGERI

20. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, memandang ada-nya hippie² luar negeri dan tempatan yang berkeliaran dengan bebas-nya dan kebudayaan mereka yang menjadi satu tauladan yang burok kepada jenerasi muda di-Malaysia serta bertentangan dengan prinsip Kesopanan dan Kesusilaan di-dalam Rukunegara, menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian berchadang hendak mengharamkan kemasokan hippie² luar negeri ka-Malaysia; dan
- (b) apa-kah tindakan yang Kementerian berchadang hendak ambil sa-belum kebudayaan ini merebak dan mendatangkan pengaruh burok di-negeri ini.

Tun Dr. Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: (a) Kerajaan sedar pengaruh²

burok dan masala² yang di-timbulkan oleh "hippies" itu apabila mereka berada di-negeri ini. Tetapi dari segi pengalaman di-dapati sukar membedzakan sa-orang "hippie" dari sa-orang pelawat yang tulin oleh kerana "hippie" itu tidak mempunyai paspot atau kad pengenalan yang istimewa. Oleh yang demikian bagi mengelakkan berlaku-nya sa-barang salah-faham maka Kementerian saya telah mengeluarkan arahan kepada Pejabat² Imigresen supaya sa-belum pejabat itu membenarkan sa-saorang pelawat (terutama sekali mereka² yang di-anggapkan sa-bagai "hippie" atau pun "hitch-hiker") masuk ka-negeri ini maka hendak-lah di-tentukan terlebih dahulu bahawa pelawat itu mempunyai wang saraan yang cukup bagi tempoh berada di-negeri ini—ia-itu cukup untuk pelawat itu tinggal di-sa-buah hotel yang sederhana dan membelanja makanan yang sempurna.

Di-samping itu semua pelawat² yang masuk ka-negeri ini ada-lah terta'alok kepada Undang² Imigresen dan undang² lain yang berkuat-kuasa sekarang. Jika, sa-lepas di-benarkan mereka masuk ka-negeri ini nanti di-dapati bahawa pelawat² itu (tanpa mengira sama-ada mereka itu di-anggap sa-bagai "hippies," "hitch-hikers" atau pun pelawat² yang tulin) telah melakukan perkara² yang tidak di-ingini dari segi sosial, ekonomi, ketenteraman awam, jenayah atau kesihatan maka tindakan akan di-ambil menamatkan Pas² Lawatan mereka dan mengusir mereka keluar dari negeri ini atau pun menda'awa mereka² itu di-bawah undang² yang berkenaan.

(b) Mengenai tindakan untuk menchegeh kemerebakan kebudayaan "hippie" di-negeri ini maka saya berpendapat bahawa oleh kerana ada kawalan tertentu atas kemasokan orang² yang di-anggap "hippie" itu maka tidak-lah ada kemungkinan yang kebudayaan itu dapat di-sebarkan.

MENYUSUN PERATORAN ADAT² RESAM ORANG² MELAYU DAN BUMIPUTERA DI-SARAWAK

21. Tuan Tibuoh anak Rantai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mendesak Kerajaan supaya menyusun semua peratoran² mengenai adat² resam orang² Melayu dan lain² Bangsa bumiputera di-Sarawak supaya ada ketentuan dan persamaan dalam pentadbiran ke'adilan.

Perdana Menteri: Perkara² Hal Ehwal Undang² dan Adat Resam bagi Negeri Borneo ada-lah di-bawah kuatkuasa Majlis Perundangan Negeri Sarawak. Parlimen tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang² mengenai perkara² seperti itu melainkan dengan permintaan Majlis Perundangan Negeri tersebut.

TUJUAN² DAN KERJA MAJLIS PERPADUAN NEGARA

22. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Dengan Tugas² Khas menyatakan:

- (a) tujuan² dan kerja Majlis Perpaduan Negara dengan sa-penoh-nya;
- (b) sama ada Majlis ini mempunyai hak untuk membincangkan semua perkara² termasuk perkara² yang terkandung di dalam Perlembagaan.

Menteri Dengan Tugas² Khas (Tan Sri Muhammad Ghazali Shafie):

- (a) Tujuan dan tugas² Majlis Perpaduan Negara ia-lah:
 - (i) membincangkan apa² perkara berkenaan dengan perpaduan negara yang di-fikirkan oleh Perdana Menteri patut di-rujukkan pada Majlis;
 - (ii) membincangkan dengan 'am-nya masalah² perpaduan negara dan mengeshorkan langkah² dan ranc h a n g a n² bagi memupok perpaduan negara;
 - (iii) Perdana Menteri boleh jika di-fikirkan patut merujuk apa² perkara yang telah di-bincangkan oleh Majlis kepada Majlis² Muhibbah atau mana² badan yang di-tubuhkan oleh undang² bagi melaksanakan-nya sa-bagaimana perlu dan sa-patut-nya.
- (b) Ahli Majlis Perpaduan Negara boleh membincangkan hanya perkara² yang di-bentangkan atau di-luluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi dalam Majlis tersebut. Perdana Menteri mempunyai budi-bichara mutlak bukan sahaja mengenai perkara² yang patut di-bentangkan dalam meshuarat Majlis tetapi juga mengenai perkara² yang patut di-utarakan oleh Ahli dalam membincangkan sa-suatu perkara. Sa-balek-nya hak

mutlak tiada di-beri kepada sa-saorang Ahli Majlis untuk berchakap mengenai sa-suatu perkara dalam meshuarat Majlis. [Lihat perenggan 3 (2) (a) dan Jadual Kedua perenggan 3, 9, 14 dan 19, dalam Peratoran² Perlu (Majlis Perpaduan Negara, 1971)].

Sungguh pun demikian, jika sa-saorang Ahli di-benarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi berchakap mengenai sa-suatu perkara di-meshuarat Majlis, Ahli tersebut ada-lah di-lindungi dari segi undang² tentang apa jua yang di-ke-mukakan oleh-nya dalam perbincangan itu [lihat peratoran 8 (1), dalam Peratoran² Perlu (Majlis Perpaduan Negara, 1971)]. Perlindungan ini ada-lah penting. Tidak mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjaya mendapat pandangan dan panduan yang sa-patut-nya mengenai sa-suatu perkara yang di-bentangkan dalam meshuarat Majlis sa-kira-nya Ahli Majlis tidak di-lindungi dari segi undang² mengenai apa jua yang di-utarakan oleh Ahli tersebut dalam meshuarat. Oleh itu soal kandungan ucapan atau perbincangan Ahli tersebut tidak sa-kali² timbul walau pun perkara yang di-bincangkan melibatkan peruntokan² Perlembagaan yang di-lindungi oleh Akta Asutan. Perlu di-ingat bahawa hak untuk berchakap ada-lah tertaklok kepada pengawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi yang berhak memerentahkan sa-saorang Ahli menghentikan ucapan atau perbincangan-nya atau melarang Ahli tersebut menyentoh sa-suatu perkara.

Oleh yang demikian sa-saorang Ahli tidak-lah boleh di-katakan mempunyai hak mutlak pada membincangkan sa-suatu perkara dalam meshuarat melainkan di-benarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi untuk berbuat demikian. Berhubung dengan masalah sama ada sa-saorang Ahli boleh atau tidak membangkitkan perkara yang menyentoh peruntokan² Perlembagaan yang di-lindungi itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi mempunyai budibichara mutlak dalam hal ini dan ada-lah ter-pulang kepada beliau untuk membenarkan atau tidak membenarkan-nya.

MALAYSIAN AIRLINES—KAKITANGAN YANG DI-PERLUKAN

23. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) anggaran tambahan di-dalam jumlah kakitangan yang di-perlukan untuk perkhidmatan Malaysian Airlines untuk penerbangan² di-dalam negeri dan antarabangsa;
- (b) sama ada pengambilan kakitangan baru telah di-mulakan memandangkan kepada perlu-nya untuk melateh pemandu² kapal terbang dan lain² jawatan yang memerlukan kecekapan yang tinggi.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: (a) Sa-takat ini ada-lah terlalu awal untuk menentukan dengan pasti jumlah kakitangan² yang di-perlukan untuk perkhidmatan Sharikat Penerbangan Malaysia. Tetapi walau bagaimana pun kakitangan² yang chukup akan di-ambil untuk membolehkan sharikat ini menjalankan perkhidmatan-nya yang ekonomik dan memuaskan.

(b) Saperti yang telah saya umumkan pada 31hb Mei, 1971 pengambilan kakitangan² baru untuk di-lateh sa-bagai pemandu² kapal terbang dan lain² jawatan saperti jurutera² kapal terbang, akauntan dan juru ekonomi yang memerlukan kecekapan yang tinggi sudah dan sedang di-jalankan.

ASIA TENGGARA—USAHA PENGECHUALIAN

24. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kemajuan yang telah di-chapai dalam mengusahakan supaya Asia Tenggara berkechuali, yang mula di-taja dan di-chadangkan oleh Malaysia di-kalangan negara² Asean dengan tujuan untuk mendapatkan persetujuan dan sokongan negara² tersebut.

Perdana Menteri: Kita telah pun menerangkan chadangan perkechualian Asia Tenggara ini kepada negara² Asean melalui perwakilan² kita di-negeri² tersebut dan oleh saya sendiri dalam lawatan rasmi saya ke-negeri² Thailand dan Indonesia. Sunggoh pun mereka mungkin mempunyai chara atau "approach" yang agak berlainan dalam masalah ini namun pada 'am-nya reaksi negara²

ini boleh-lah di-katakan memuaskan. Ini ada-lah memberi galakan kepada kita untuk memajukan lagi chadangan ini.

JAWATAN-KUASA MENKAKI KENAikan HARGA BARANG—MENUBOHKAN

25. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan memandangkan kepada kenaikan harga barang² dan barang² keperluan yang sa-makin meningkat dan membimbangkan yang dengan sa-chara tidak langsung menyebabkan sa-bahagian besar ra'ayat menderita, ada-kah Kerajaan akan menubuhkan suatu jawatan-kuasa bagi mengkaji dan menchari jalan mengawal menjadi²-nya kenaikan harga yang membimbangkan ini sa-belum soal kenaikan harga menjadi bahaya kepada ekonomi negara.

Tuan Mohamed Khir Johari: Satu Jawatan-kuasa Penasihat bagi Harga Barang² Keperluan (The Advisory Committee on the Prices of Essential Commodities) telah pun di-tubuhkan di-Negeri Sarawak. Pegawai saya di-Sarawak akan bekerjasama dengan Jawatan-kuasa itu untuk menyiasat ka-atas kenaikan harga dan jua mengawasi harga barang² keperluan di-seluruh negeri Sarawak.

SISTEM SALLEH DI-BAZAR²—PERKHIDMATAN POLIS

26. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan kejadian² rompak di-bazar² yang terpenchil di-luar bandar, Sarawak, baharu² ini sama ada Kerajaan akan memulakan sistem Salleh bagi mengadakan perkhidmatan² polis di-bazar² kechil yang bertaboran di-luar bandar.

Tun Dr. Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: Untuk ma'aluman Ahli² Yang Berhormat, Kerja polis sa-chara Beat dan Sistem Salleh telah pun di-jalankan di-bandar² besar di-Sarawak. Kerajaan memang ada ranchangan untuk memperluaskan sistem itu ka-pekan² kechil (bazar) luar bandar tetapi ranchangan tersebut akan di-jalankan setelah pondok² polis yang berkenaan di-bena. Pembinaan pondok² polis sedang di-selenggarakan sekarang dan sistem Salleh akan di-laksanakan di-pekan² kechil (bazar) Sarawak sa-baik² sahaja pondok² polis itu siap.

PENYERTAAN ANAK² NEGERI DALAM PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

27. Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sa-jauh mana-kah Kerajaan telah berusaha untuk memudahkan penyertaan anak² negeri di-dalam perdagangan dan perusahaan di-Sarawak dan apa-kah langkah² yang di-ambil.

Tuan Mohamed Khir Johari: Kementerian saya sentiasa mengambil daya usaha utama untuk menggalakkan dan menentukan supaya bumiputra di-Sarawak menyertai dalam perdagangan dan perusahaan. Langkah² yang tertentu yang telah di-ambil ia-lah:

- (i) Semua kilang² yang di-tubuhkan, sebelum di-luluskan oleh Kementerian saya, ada-lah di-kehendaki:
 - (a) Mengambil sa-bahagian daripada pekerja² bumiputra dalam kilang² yang di-luluskan itu.
 - (b) Menguntokkan 10—20% daripada jumlah saham² sharikat tersebut untuk di-beli oleh bumiputra.
- (ii) Sa-buah chawangan pejabat Bahagian Perusahaan Kementerian saya akan di-buka di-Sarawak tidak lama lagi dan dengan tertuboh-nya pejabat tersebut pegawai saya akan mengambil langkah yang perlu untuk menguatkuasakan syarat² yang di-tentukan bagi penyertaan bumiputra dalam perusahaan² dan jua kilang² yang telah di-luluskan oleh Kementerian saya.

PENYIAPAN JALAN RAYA DARI SEMATAN KA-LAWAS DI-SARAWAK

28. Pengarah Rahun anak Debak: minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan berapa batu-kah jalan raya yang di-kehendaki di-bena untuk menyiapkan penyambungan jalan raya dari Sematan ka-Lawas di-Sarawak, dan berapa-kah harga-nya dan berapa lama-kah jalan raya ini akan siap di-bena.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Jarak batu yang perlu untuk menyudahkan sambungan jalan dari Sematan ka-Lawas ia-lah 260 batu. 50 batu akan di-bena dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua. Kecepatan pembenaan dan tarikh penyiapan jalan ini akan bergantung

kapada peruntokan wang. Jumlah perbelanjaan untuk projek ini ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$65 juta.

LAPORAN² SUFFIAN DAN SUROHAN- JAYA AZIZ—MENAikkan BAYARAN PENCHEN

29. Tuan Luhut Wan bertanya kapada Perdana Menteri memandangkan wujud-nya Laporan² Surohanjaya Suffian dan Surohanjaya Aziz, ada-kah Kerajaan akan mengkaji sa-mula dan menaikkan bayaran penchen kapada pesara².

Perdana Menteri: Kerajaan tidak berchandang mengkaji sa-mula dan menaikkan penchen kapada pesara yang telah bersara sebelum di-kuatkuasakan Laporan Surohanjaya Gaji Suffian.

JAWATAN-KUASA MENYIASAT KELUARAN TENAGA BUROH KA- BRUNEI DAN INDONESIA

30. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menu-buhkan satu Jawatan-kuasa untuk menyiasat masaalah keluaran tenaga buroh ka-Brunei dan Indonesia di-kalangan penduduk² di-rumah panjang di-Sarawak untuk menchari jalan supaya arus tenaga buroh yang keluar di-bawa dan di-salurkan ka-kawasan² tempatan untuk faedah negara.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Pada masa ini dirasakan tidak perlu mengadakan sa-buah Jawatan-kuasa untuk menyiasat masaalah mengalir keluar-nya tenaga buroh ka-Brunei dan Indonesia dari kalangan penduduk² rumah² panjang di-Sarawak oleh kerana tenaga buroh yang mengalir keluar ini kebanyakan-nya terdiri daripada tenaga kerja tidak mahir. Malah negeri Sarawak pada waktu ini mempunyai tenaga kerja tidak mahir yang berlebihan. Pengaliran tenaga buroh tidak mahir dari negeri itu ka-negeri² jiran ia-itu Brunei dan Indonesia tidak menimbulkan masaalah kapada negeri itu malah menolong mengurangkan penganggoran. Lagi pun hal ini sa-banyak sedikit telah memberi sedikit menafa'at kapada negeri dalam bentuk pengiriman wang.

BANTUAN BAGI TANAMAN KELAPA SAWIT DI-SARAWAK

31. Dato' James Wong Kim Min minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan sama ada di-chadangkan untuk memberi wang

bantuan bagi tanaman kelapa sawit di-Sarawak untuk menggalakkan perusahaan tanaman kelapa sawit di-Sarawak.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohammed Ghazali bin Haji Jawi): Barangkali Ahli Yang Berhormat maksudkan kelapa sawit yang di-tanam sa-bagai ladang perniagaan dan bukan untuk penempatan atau ranchangan pekebun² kecil. Jika demikian ada satu Sekim sa-rupa itu yang telah pun di-usahakan oleh Perbadanan Kemajuan Commonwealth dan walau pun bantuan sa-chara langsung tiada di-beri tetapi Kerajaan Negeri sanggup mengadakan kemudahan awam (infrastructure) yang diperlukan seperti jalan, kemudahan² pelabohan dan perkhidmatan² Kerajaan yang penting.

SIKAP KASAR OLEH JURURAWAT²

32. Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu minta Menteri Kesihatan menyatakan apa tindakan Kerajaan berhadang hendak ambil untuk memperbaiki sikap² kasar dan achoh tak achoh yang telah di-tunjokkan oleh sa-tengah² jururawat² terhadap pesakit² dari luar bandar.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):

TINDAKAN KERAJAAN DI-ATAS PERHUBONGAN DI-ANTARA JURURAWAT² DAN ORANG RAMAI

Di-dalam masa latehan.

Jururawat² Pelateh ada-lah di-lateh di-dalam:

Ilmu Jiwa—termasuk hubungan kemanusiaan dan perhubungan dengan ra'ayat. 32 jam

Kesusilaan—Akhlak Jururawat yang meninggi dan memelihara mutu perjawatan kejururawatan. 6 jam

Kemasyarakatan, kebudayaan dan faktor² ekonomi perpaduan masharakat Malaysia—ini adalah untuk jururawat memahami akan butir² perpaduan di-luar bandar. 6 jam

Perhubungan Raya—dengan ra'ayat, pegawai² dan jabatan². 6 jam

Ucapan rengkas pada tamat-nya latehan asas di-mana Jururawat² di-berikan chera-mah mengenai peranan tanggung-jawab mereka kepada Jabatan dan masharakat mereka sa-bagai Jururawat² Terlateh terutama di-dalam memberi kesedaran akan masalah² yang di-hadapi oleh ra'ayat ka-pada hal² kesihatan di-dalam Hospital² dan perkhidmatan kesihatan luar bandar.

Di-masa dalam berkhidmat, kakitangan penyelia jururawat selalu di-ingatkan bersopan di-dalam tugas-nya kepada ra'ayat.

Kursus² lanjutan dan ulangkaji untuk kakitangan yang kanan ada-lah di-berikan dari masa ka-masa, kepada kaki-tangan perjawatan yang sedang berkhidmat sekarang.

GOVERNMENT'S ACTION ON THE RELATIONSHIP BETWEEN THE NURSES AND THE PUBLIC.

During Basic Nursing Training.

The Student Nurses are being trained in:

Psychology—including human relationship and communication with people. 32 hours

Ethics—conduct of Nurses to uphold Nursing profession. 6 hours

Social, cultural and economic factors of Malaysian Society—this is for the Nurse to understand the Rural Society in particular. 6 hours

Human Relationship—public, staff and departmental. 6 hours

Briefing is at the end of the training where the nurses are given talks on their role and responsibility to the department and society in their capacity as qualified nurses especially awareness of the public problems pertaining to health matters in hospitals and rural health services.

While in service the supervisory staff regularly remind the nurses to be courteous in their dealings with the public.

In-service and refresher courses for senior staff are being given periodically to existing nursing personnel.

AMBULAN—MENGANGKAT MAYAT²

33. Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kemudahan ambulan itu termasuk mengangkat mayat² si-mati dari rumah sakit ka-tempat kediaman mereka.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Adalah bukan-nya menjadi dasar untuk menggunakan kemudahan ambulan memindahkan mayat² daripada hospital ka-tempat kediaman si-mati. Pengangkutan memindahkan mayat daripada hospital ka-tempat kediaman mereka ada-lah tanggung-jawab waris² mereka sendiri. Walau bagaimana pun pehak berkuasa hospital bekerja rapat dengat Jabatan² Ugama Islam di-tiap² negeri dan juga lain² Pertubuhan Sukarela untuk memberi pertolongan apabila perlu.

RANG UNDANG² PEMBASMI MALARIA

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang" (8hb Julai, 1971).

Dato' James Wong Kim Min (Miri-Subis): (*Dengan izin*) Mr. Speaker, Sir, I would like to oppose certain provisions of this Bill. In doing so, I would like, however, to make it quite clear that I support the general principles of this Bill and I would like to congratulate the Honourable Minister of Health for bringing this Bill before this House. As one Honourable Member said, Sir, better late than never. Other Honourable Members, Sir, have spoken at length on the problems associated with this Bill and also on various aspects connected with this Bill and on the merits and demerits of the Bill. However, as I said earlier on, I would oppose several provisions not on the grounds that they are undesirable, but mostly on the grounds that they are impractical.

I refer, Sir, to Clause 20 of the Bill which says:

"Any owner or occupier of any agricultural holding or mining land who intends to cut down or clear any jungle, undergrowth or other vegetation for the purpose of planting or replanting such holding or mining land or who intends to make holes in the ground for the purpose of

such planting, replanting or mining shall notify the Director or a Medical Officer of Health in writing of his intention so to do not less than fourteen days before the commencement of the operations."

And I believe, Sir, that another Member on this side of the House also pointed out that in Clause 37 the same applies to any who intends to carry out any building or land development, that is 14 days notice is required.

Now, Sir, may I ask the Honourable Minister does the Honourable Minister honestly and sincerely think and believe that it is possible to implement this Clause of the Bill, especially in the rural areas, and the ulu areas. Perhaps this is possible in the urban areas, but I submit, Sir, with respect that these two conditions are impossible not only for the occupiers of the land or the land-owners to comply with but also for the Government and the Health Officers to comply with. How, for instance, could people up Ulu Baram, and in Bario be able to give 14 days notice of their intention to clear a patch forest land to plant jagong to the Health Officer in advance? In some of these areas, Sir, it take 14 days, may be one month or more to reach Baram if it is delivered by hand. Therefore, Sir, I would very honestly and sincerely question the practicability of this provision. Furthermore, Sir, in going through this Bill I notice that provision has been made to delegate to the various Health Officers and the State Council Health Officers the powers to act on behalf of the Director of Medical Services. But even if this is so, Sir, I do not know whether the Honourable Minister is aware that in Sarawak especially the Local Authorities are notoriously very poor, Sir; they always have no money for travelling. Assuming we have the Health Officer, where is the money to come from to inspect all these places before they are to be cleared? Again, Sir, going through the Bill, in Clause 20 it did not say approval has to be obtained; it only says that the occupier of the land must write of his intention not less than 14 days before the commencement of the operations. I wonder whether the Honourable Minister will clarify whether it is only to notify and it is not necessary for permission to be obtained for land to be cleared for planting jagong or planting padi? Anyway, Sir, what I wish to point out is this, that it is impossible, Sir, for these two clauses to be practically implemented. I

think, Sir, it is irresponsible of this House if we were to incorporate these two clauses as they stand now without amendment, and I would strongly suggest to the Honourable Minister to please either delete these two clauses or amend them so that they become practical.

Another point, Sir, I would like to draw the attention of the Honourable Minister is that I wonder whether the Honourable Minister is aware that it is the general belief, in Sarawak at least, that where attap houses are sprayed with D.D.T. the insect population instead of decreasing will multiply by leaps and bounds, and I think this is one of the reasons, Sir, why D.D.T. spraying is unpopular among the rural people. I do not know what is the reason for this; D.D.T. is supposed to kill insects but one of the facts is that they seem to multiply. And these facts are borne out and probably the Honourable Minister will look into the matter. Another complaint, Sir, which has been common among the rural people is the spraying around the houses has caused the death of chickens in some cases pigs and dogs, and I therefore enjoin the Honourable Minister to ensure that spraying will be done carefully to ensure that livestock are not killed together with the mosquitoes!

Another very important point, Sir, which I would like to point out is this. In Sarawak I believe malaria is fairly under control except in one or two cases I know of in the Bintulu, Tatau and Similajau areas where there have been some incidence, but this has been reported already to the District Officers concerned. However, Sir, the control of malaria is not merely confined to spraying of houses. We in Sarawak have a common border with Indonesia and I believe one of the problems of malaria control in Sarawak and possibly Sabah is that the contamination or, if I may use the word, some "carriers" have come across from the other side of the border into Sarawak bringing with them malaria contamination.

Since we have now friendly relations with Indonesia, I wonder, Sir, whether the Minister could make sure that our Government and the Indonesian Government could jointly co-ordinate the efforts on both sides of the border to control the malaria, so that there will be a real control on both sides of the border as well as the spraying around the houses.

Sir, one final plea: I hope, Sir, that in regard to the points I have given, due cognizance will be taken by the Minister and that the two Clauses should be done away with or amended. Thank you.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak memberi tahu Ahli² Yang Berhormat supaya membuat ucapan dengan sa-berapa pendek lima minit tiap² sa-orang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih, kerana mengizinkan saya untuk memperkatakan ketika Rang Undang² Membasmi Malaria ini di-bentangkan di-dewan yang mulia ini.

Saya berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang memang kuat untuk menentang penyakit malaria di-Malaysia ini kerana kita tahu bahawa di-Malaysia kita ada-lah banyak penyakit ini merebak dimana 25% daripada penduduk kita ada-lah mengidap penyakit malaria, walau pun kejayaan², telah di-dapati di-masa² yang lalu tetapi sekarang dengan ada-nya dan dengan lulus-nya Undang² ini maka saya harap gerakan kita akan lebih berjaya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya gerakan membasmi malaria berdasarkan Undang² ini banyak menumpukan kepada usaha untuk membuboh ubat di-rumah² penduduk². Jadi sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini yang menjadi masalah bukan sahaja di-rumah tetapi di-tempat² yang menjadi sarang pada nyamok² yang mendatangkan penyakit malaria ini biak dan berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya kita mengadakan Undang² memang baik tetapi Undang² tidak akan dapat berjalan melainkan dengan kerja yang akan di-buat oleh kita dan sambutan serta kerjasama yang akan di-beri oleh ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengshorkan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan apabila Undang² ini di-luluskan, maka bukan sahaja kempen² kita akan adakan di-seluruh negara ini tetapi Jawatan-kuasa² Membasmi Malaria di-tiap² kampung perlu di-tubuhkan sa-bagaimana yang pernah kita buat ketika kita menentang musuh dari luar dahulu dengan di-namakan Jawatan-kuasa Kawalan Kampung, sekarang kita mengadakan satu Jawatan-kuasa di-kampung² untuk membasmi dan menentang penyakit atau wabak malaria.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu ingin saya menyatakan bahawa sa-sunggohnya orang² di-kampung ini kebanyakan-nya menggunakan ayer sungai. Jadi penyakit malaria atau pun nyamok itu bukan sahaja datang ka-rumah mereka yang menyebabkan penyakit itu datang, tetapi ayer yang mereka minum di-sungai² itu pun menyebabkan datang-nya penyakit yang tersebut. Saya ingin mengshor-kan pada

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, sa-belum jauh Yang Berhormat itu berchakap, saya suka menerangkan ia-itu pakar² malaria mengatakan daripada nyamok itu mendatangkan kuman bukan daripada ayer, yang datang dari ayer itu diarrhoea atau demam kepialu, tetapi tidak ada authority yang mengatakan daripada ayer. Terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Menteri sabar sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan fasal sabar, jangan sikap silap.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan ia-lah kerana ayer itu di-mana nyamok bertelor dan penyakit² yang bermacam² ada di-ayer maka alang-kah baik-nya kalau pehak Kerajaan atau pun pehak Kementerian Kesihatan mengajak penduduk² di-kampung², penduduk² di-luar bandar supaya lebeh banyak menggunakan perigi dan sa-lain daripada itu lebeh banyak meminum ayer yang masak. Sebab dengan chara itu satu chara untuk membasmi malaria dan penyakit yang lain-nya, kerana kalau dengan hanya kita mengadakan ubat sa-mata² berarti makin banyak-lah estimate yang mesti kita keluarkan. Jadi dengan chara yang demikian, dengan chara pandangan kita kapada orang ramai dan chara pengshoran kapada orang ramai, maka estimate itu lebeh ekonomi, lebeh rendah, yang mana orang² kampung sendiri pandai membuat-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit sudah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Saminit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Latip bin Haji Idris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² Membasmi Malaria yang di-chadangkan oleh Yang Berhormat Menteri

Kesihatan kita dalam Dewan yang mulia ini semalam. Kami di-Sarawak sangat-lah berharap kapada kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat membasmi penyakit malaria yang sangat di-takuti oleh semua manusia dan juga perkara itu harus di-ambil perhatian berat lebeh awal lagi.

Saya fikir nyamok malaria ada-lah salah satu musuh utama ra'ayat negara ini, lebeh² lagi di-kawasan hulu² sungai dan rumah² panjang di-pendalaman, Sarawak, tempat yang selalu di-serangi oleh penyakit malaria yang berjangkit itu. Walau pun demikian mereka sendiri belum lagi begitu faham untuk mengelakkan daripada berjangkit bagi demam malaria itu. Dengan ini saya shorkan supaya pehak yang bertanggung-jawab selalu melawat tempat² yang ada nyamok malaria, baik di-kampung², atau rumah² panjang untuk memberi ubat, atau suntekan melawan penyakit malaria serta memberi tunjok ajar chara² yang modern kapada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita mulai bergerak dengan chergas-nya untuk membasmi kemiskinan ra'ayat yang tidak bernasib baik terutama-nya orang bumiputera. Saya rasa jikalau-lah segala penyakit² yang merbahaya saperti malaria itu tidak di-hapuskan terlebih dahulu, saya khuatir mereka² yang kena peyakit itu sudah tentu tidak dapat untuk ikut serta di-dalam segala kemajuan. Ra'ayat bumiputera Sarawak telah pun berharap² bahawa Malaysia akan sa-kurang²-nya membawa suatu permulaan bagi menukarkan nasib mereka yang telah mundur sa-lama di-bawah colony, sa-kurang²-nya mereka telah berharap supaya dasar² Kerajaan sa-lepas Malaysia dapat mengubahkan terhadap kemajuan kesihatan dan sa-bagai-nya, untuk memberi pertolongan kapada bumiputera² yang mundur di-luar bandar.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sa-penoh²-nya di-atas Rang Undang² Membasmi Malaria supaya buat pertama kali-nya Dasar Kesihatan Baharu Malaysia dapat di-jalankan sa-bagai dasar yang adil kapada seluroh ra'ayat jelata 'am-nya dan kami dalam negeri Sarawak akan mendapat sama perhatian saperti juga orang² di-Malaysia Barat. Terima kaseh.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sa-penoh²-nya Bill

Membasmi Malaria, anti-malaria yang dibentangkan di-dalam Dewan yang mulia semenjak dari semalam lagi. Di-sini saya suka menarek perhatian bagi Kementerian ini ia-itu satu chara yang lebeh prektik bagi melaksanakan lebeh² pesat lagi bagi kita ia-itu menchegeh nyamok² atau pun malaria ini menjalankan tugas sama ada di-dalam bandar, lebeh² lagi di-luar bandar. Kalau-lah dengan chara sekarang ini di-jalankan oleh Kementerian yang berkenaan ada-lah kurang memuaskan, kerana saya lihat dan saya dapati banyak bagi pehak pekerja² pasokan penchegeh malaria atau pun anti-nyamok itu hanya datang ka-kampong² di-luar bandar ada-lah terlalu terhad, ia-itu pada tiap² bulan hanya sa-kali sahaja lawatan-nya sa-bagai menyembor ubat DDT.

Dan kadang kala-nya pula hingga 2 atau 3 bulan ia-itu tiada kelihatan mereka² itu datang bagi menjalankan tugas untuk menyembor ubat² tersebut. Pada hal nyamok ini lekas dan mudah hidup ia-itu pada masa sa-hari atau 2 hari sahaja ia boleh terbang dan menemui mangsa-nya yang berbogel yang tidak berbaju bagi menjalankan injeks² untuk ia menchari makanan hidup yang membawa penyakit² malaria dengan segera.

The purpose of the Bill, as stated in the Explanatory Statement, is to amend the Excise Act, 1961 by adding a new provision immediately after section 83, which will allow the Director General of Customs to pay rewards to persons who render services in connection with the detection of evasion of excise duty or other evasion of the excise laws. It has been shown that the payment of rewards stimulates a much greater flow of useful information from the public and hence greatly assists in the detection of such offences. This new provision which will be effective as from 1st March, 1962 will bring the Excise Act, 1961 in line with the Customs Act, 1967 and the Excise Ordinance of Sabah and Sarawak.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Walter Loh Poh Khan (Setapak): (*Dengan izin*) Mr. Speaker, Sir, I oppose

part of this Amendment which reads "excise officer." Rewards to excise officers in connection with detection of evasion of excise duty or other evasion is ridiculous and meaningless. If this part of the Bill is passed, no sooner you will expect that police officers in detecting the police cases will come forward to demand that they too be given rewards. Civil servants too will come forward and say, "We too want rewards for detecting cases." Where do we end? Nowhere. If this is to happen, what sort of Civil Service will we have in this country? They are paid to do the job and should not have any form of reward, in particular this type of reward. If the Government feels that they are under-paid, increase their salaries, and in no circumstances the Government should commit itself to such form of payment.

The whole Civil Service will be so corrupted that each one will cut each other's throat in order to claim that he has detected evasion of excise duty. The whole of the department is so deeply buried into detecting evaders that the whole system and discipline of the Civil Service will be in a state of chaos. Every officer will become so involved as head-hunters that they will lose all self-respect as public servants.

You may say that this is some sort of incentives for these officers so that they could do a better job. Then your implication is that without a reward being offered, the officers could not do the job they are delegated to do. But I must say that the majority of these officers are efficient and dedicated who do not look upon any other form of reward except what is due to them in the form of salaries. Only those who are inefficient and not dedicated look for a fast buck and easy income. By passing this Bill it will have repercussion and effect on the other officers, because the other officers are sincere, dedicated, and do not look upon any form of reward. Mr. Speaker, Sir, I therefore, move that the words "excise officers" appearing in Section 83A be deleted. Thank you, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: The Honourable Member can do this when we come to the Committee stage but you should have the proper form ready.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2

Tuan Walter Loh Poh Khan: (*Dengan izin*), Mr. Chairman, Sir, you asked me to move my amendment at this stage.

Tuan Pengerusi: If you want to move.

Tuan Walter Loh Poh Khan: Yes, I move Mr. Chairman, Sir, that in Section 83A the the words "excise officer" be deleted.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I oppose this amendment for a very simple reason. For many years past, rewards have been paid to customs officers in respect of evasion in regard to import duties, export duties and so on. As I also stated in my speech, these rewards are payable under the Excise Ordinance to officers in Sabah and Sarawak. There is, therefore, no reason at all why we should discriminate against informants who give information in respect of excise duties. After all, there is very little difference between excise and import and export duties. As Honourable Members are aware, excise duty is collected in respect of domestic manufactures, while import duties are collected in respect of imports, and export duties are collected in respect of exports. There is no reason therefore why we should pay for information to Government officers in respect of one set of taxes and deny this to the same officers in respect of other taxes. There is certainly no logic or consistency in the proposal of the Honourable Member. I would also advise the Honourable Member not to judge the standards of others by that of himself.

Tuan Pengerusi: I must inform the House that due to my going a little bit fast just now, I omitted to inform the Honourable Member who proposed the amendment that according to Standing Order 57 (2) the Honourable Member must give at least one day's notice of any proposed amendment. So I therefore rule that the proposed amendment was out of order.

Fasal 1 hingga 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PERJANJIAN BRETTON WOODS (PINDAAN), 1971

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr. Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the Bretton Woods Agreements Ordinance, 1957" be read a second time.

The purpose of the Bill, as stated in the Explanatory Statement, is to re-enact the amendment to the Bretton Woods Agreements Ordinance, 1957 made under the Emergency (Essential Powers) Ordinance, No. 60 of 1970, into a permanent law. The amendment was made as a result of the Government's decision in September, 1969 to increase Malaysia's quota in the International Monetary Fund.

In regard to previous increases, Malaysia's subscriptions towards its quota in the Fund were paid by the Federal Government out of its Consolidated Fund in accordance with section 4 (1) (b) of the Bretton Woods Agreements Ordinance, 1957. This section provides, inter alia, that there shall be charged on the Consolidated Fund such part of any increase in Malaysia's subscription as may be paid in gold or Malaysian currency. Section 4 (1) (c) of this Ordinance also provides that, except with the approval of the Dewan Ra'ayat, Malaysia's subscription shall not be increased so that it exceeds the sum of US\$37.5 million. Previous increases had been approved by the Dewan Ra'ayat accordingly. In 1969, it was decided that Bank Negara Malaysia should in future exercise rights and perform obligations in respect of Malaysia's membership in the Fund which, among other things, include the payment of subscriptions to the Fund on behalf of Malaysia. The Central Bank of Malaysia (Amendment) Act, 1969 was enacted at that time to enable Bank Negara to do so, and section 4 of the Bretton Woods Agreements Ordinance, 1957 was repealed at the same time. The result is that there now appears to be no legal authority which would allow Malaysia to increase its subscription in the Fund.

On account of this, the Attorney-General advised that section 5A of the Bretton Woods Agreements Ordinance, 1957 should be amended to the effect that Bank Negara Malaysia may, with the prior approval in writing of the Minister of Finance, accept on behalf of the Government of Malaysia and pay any increase in Malaysia's subscription to the Fund. The amending Bill before the House today is designed to re-enact the amendment to the Bretton Woods Agreements Ordinance, 1957, which was made under the Emergency (Essential Powers) Ordinance, No. 60 of 1970, into a permanent law in order to enable Bank Negara Malaysia to accept and pay any increase in Malaysia's subscription to the Fund. The amendment does not retain the proviso that any increase in Malaysia's subscription should be approved by a resolution of the Dewan Ra'ayat since any payment on account of an increased subscription is now made out of the resources of Bank Negara itself and not, as was previously the case, out of the Federal Consolidated Fund.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sabagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² KEWANGAN (PINDAAN), 1971

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I beg to move that a Bill

intituled "An Act to amend the Finance Act, 1965" be read a second time.

The object of the Bill, as stated in the Explanatory Statement attached to it, is to re-enact the amendment to the Finance Act, 1965 made under the Emergency (Essential Powers) Ordinance, No. 90 of 1971, into a permanent law. The amendment was in respect of Part IV of the Finance Act, 1965 relating to payroll tax which was repealed with effect from 1st January, 1971.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sabagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA), 1971

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I beg to move that a Bill intituled "An Act to vary the laws in force relating to estate duty" be read a second time.

The Bill seeks to re-enact into a permanent law the provisions of the Emergency (Essential Powers) Ordinance, No. 59, 1970 relating to estate duty.

The object of the Bill is to provide for abatement by 50% of any duty payable under the Estate Duty Ordinance/Enactment

of Sabah, Sarawak and West Malaysia in respect of property situated in Malaysia which a deceased person has power to dispose of at the time of his or her death. This concession will only apply to property passing to a spouse, children or the issue of such children. Gifts *inter vivos* and settlements made during the lifetime of the deceased are therefore excluded from the benefit of the abatement since it is considered desirable to discourage the fragmenting of estates or the divesting of properties before death. The abatement will also apply to properties passing to step-children and adopted children but not illegitimate children. Where any property passes to qualifying and non-qualifying persons in succession the abatement will be confined to the value of the benefit received by the qualifying person only.

The Bill also seeks to extend the benefit of the abatement to Muslim estates, provided the deceased died leaving a spouse, children or issue. Since Muslim law prohibits the free disposal of properties to the immediate members of the family, special provisions are included in the Bill to ensure that this restriction does not prevent the benefit of the abatement from being enjoyed by such estates. In other words, estates of Muslim and non-Muslim deceased persons will in general benefit equally from the abatement.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sebagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*

Fasal 1 hingga 4 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN), 1971

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the Employees Provident Fund Ordinance, 1951" be read a second time.

The Employees Provident Fund (Amendment) Act, 1971, seeks Parliamentary approval to re-enact the provisions of the following Regulations and Ordinances, passed by the Director of Operations, into a permanent law:

- (a) The Essential (Modification of Employees Provident Fund Ordinance, 1951) Regulations, 1969;
- (b) Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 42, 1970; and
- (c) Emergency (Essential Powers) Ordinance, No. 73, 1971.

The Regulations were gazetted on 11th September, 1969, Ordinance No. 42 on 6th August, 1970 and Ordinance No. 73 on 18th February, 1971.

These amendments were made in view of the changing role of the E.P.F., viz, to provide for the security of workers in their old age, as well as a source of development finance for the country's development needs. The explanations for the various amendments have already been given in the Explanatory Statement attached to the Bill, which has already been distributed to Honourable Members. I propose to enumerate the basic principles on which these amendments are based:

- (1) Because of the E.P.F.'s active participation in the economic development of the country, the definition of an "approved company" to which the E.P.F. can make loans should be widened, so as to include companies in which the Government has equity participation and which have, as their sole or primary object, the financing of industries.
- (2) To increase the scale of the E.P.F.'s participation in development through the granting of such loans, the amount of borrowing allowed was also increased from 2/3 of the assets of the

company to 3/4, to allow more money to be lent by the E.P.F. to each "approved company."

- (3) Under the original Ordinance, persons earning \$500/- or more were not eligible to contribute to the E.P.F. To widen the scope of the Ordinance, so that more workers can enjoy the benefits of the Fund and thus more money could also be made available to the Fund to be used for development purposes, the \$500 ceiling was removed.
- (4) To stop the proliferation of various provident fund schemes which provide different benefits for different groups of workers, and instead make the Employees Provident Fund the main provident fund for workers, section 2 was amended. However, those funds existing prior to 6th August, 1970 can continue to exist.
- (5) To allow the Board to deposit monies belonging to the Fund in the Bank Negara, by amending section 4. This is considered necessary, since the E.P.F. contributes to the country's development and is a major source of financing for the Government's development programme.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong sa-penoh²-nya di-atas Rang Undang² ini, tetapi chuma memberi sedikit ingatan ia-itu pekerja² telah menyimpan wang-nya di-dalam E.P.F. ini berdit² sampai meningkat umur 50, kemudian wang² ini akan di-ambil-nya. Jadi, ini ada-lah wang orang ramai. Dengan sebab itu pada masa dahulu hendak mendirikan hotel boleh pinjam duit E.P.F. Jadi dengan sebab itu pinjaman² saperti in mesti-lah kita ingat², sebab bukan sahaja hotel, tetapi ada yang lain² juga telah mendapat pinjaman daripada EPF.

Itu sahaja-lah ingatan saya supaya wang² E.P.F. ini jangan di-salah-gunakan oleh kerana jikalau sa-kira-nya satu² sharikat itu runto, maka wang ra'ayat yang menyimpan sedikit² ini akan musnah.

Sekian, terima kaseh.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Sir, I appreciate the points raised by the Honourable Member for Kuala Selangor, but the Government has also to bear this point in mind, and that is, the main purpose of the E.P.F. is to provide for the security of workers in their old age. With this end in mind we have to be very careful before we consider any fundamental departures from existing policy. Nonetheless, we have not been all that inflexible. For in recent years, as the Honourable Member may be aware, we have allowed employees to withdraw a certain proportion of their money from the Fund before they reach the age of 55 in order to enable them, for example, to buy a house to provide for their old age. It will be seen, therefore, that we have this aim in view.

Furthermore, I might add that I have asked the E.P.F. to devise a scheme whereby it would be possible to go even further, and that is to enable employees to build houses with the contributions due to them, even though it will be some years before they retire. I, of course, accept that there have been cases—I know it only too well—where a man, say, at 48 has to retire and he wants to go into business, a small business, but he cannot withdraw from the Fund; and it is difficult for him to get another job and so he is in a jam. In fact some of these people have written to me and where this has happened I have especially asked the MIDF, the Malaysian Industrial Development Finance Bhd., to help these people, even though they may have no security to offer. In fact, I have asked the MIDF to give these people special assistance if necessary and even take a few calculated risks, and I hope this will meet the cases which the Honourable Member for Kuala Selangor probably has in mind.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sabagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sabagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 4 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

RANG UNDANG² BIL PERBEN- DAHARAAN (TEMPATAN) (PINDAAN), 1971

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr. Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the Treasury Bills (Local) Ordinance, 1946" be read a second time.

Honourable Members will recall that in October 1966, Parliament approved the amendment to the Treasury Bills (Local) Ordinance, 1946 in order that the amount of Treasury Bills which could be issued and outstanding at any one time could be raised from the then statutory limit of \$600 million to \$1,000 million. This was done to meet the liquidity requirements of commercial banks and the anticipated increase in the sale of Treasury Bills throughout Malaysia.

Bank Negara has reported that the recent trend in the sale of Treasury Bills has made it evident that the present statutory ceiling of \$1,000 million needs to be increased in order to enable commercial banks to hold more Treasury Bills and also to enable the Government to "tap" funds in the domestic market which are becoming available for short term investment. Furthermore, the statutory limit of \$1,000 million is considered to be too low in view of the substantial sums of money required for the purpose of implementing the Government's Second Malaysia Plan.

For these reasons, it is considered desirable to revise the statutory limit and the Bill before this House accordingly seeks to raise the limit from \$1,000 million to \$1,500 million.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PERIKANAN (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin supaya Rang Undang² yang bertajuk suatu Akta bagi meminda Akta Perikanan, 1963 di-bacha kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini ada-lah untuk meminda sekshen 2, 18, 21 dan 23 Akta Perikanan, 1963 seperti di-nyatakan dalam Fasal 2 mengikut Jadual Rang Undang² ini.

Fasal 2 mengikut Butiran 1 dalam Jadual Rang Undang² itu meminda Sekshen 2 Akta Perikanan, 1963. Pindaan itu ada-lah berhubung dengan memindahkan kuasa membuat peratoran daripada Yang di-Pertuan Agong kepada Menteri. Oleh kerana perusahaan penangkapan ikan telah berkembang dengan pesat-nya sejak di-kuat-kuasakan Akta Perikanan 1963, pada awal tahun 1963 itu, maka perlu peratoran² yang tertentu di-bawah Sekshen 2 Akta Perikanan, 1963, di-adakan atau di-pindakan dengan sa-berapa segera supaya sesuai dan selaras dengan perkembangan yang berlaku di-kalangan perusahaan penangkapan ikan. Jika kuasa ini tidak diturunkan kepada Menteri yang berkaitan, ini akan memakan masa yang agak panjang kerana tiap² chadangan pindaan/tambahan perlu di-persetujui dan di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terlebih dahulu. Pindaan ini sejajar atau pun sesuai dengan tujuan menye-lenggarakan Akta Perikanan sa-chara yang

berkesan. Mengikut Akta² lain seperti Akta FAMA, 1965 dan Akta Persatuan Peladang, 1967 Menteri yang berkaitan ada-lah di-beri kuasa untuk membuat atau pun meminda Peratoran².

Fasal 2 mengikut Butiran 2 di-dalam Jadual Rang Undang² itu meminda Sekshen 18 Akta Perikanan, 1963. Menurut Sekshen yang ada sekarang ini chuma Pegawai Perikanan sahaja yang ada kuasa mendenda tanpa bichara atau pun compound kesalahan di-bawah Undang² ini. Pindaan ini melanjutkan kuasa itu di-beri kepada mana² Pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor. Pindaan ini perlu oleh kerana di-dapati pihak polis membuat banyak tangkapan² dan jika mereka boleh mendenda tanpa bichara atas kesalahan² kechil, nelayan² yang terlibat itu dapat meneruskan perusahaan mereka sa-lepas membayar denda. Mengikut sekarang, pihak polis menahan bot² nelayan sa-hingga selesai perbicharaan dan ini menimbulkan kesulitan mata-pencharian kepada nelayan² itu.

Fasal 2 mengikut Butiran 3 dalam Jadual Rang Undang² itu meminda Sekshen 21 Akta Perikanan, 1963. Pindaan ini ada-lah berhubung dengan memberi kuasa kepada Menteri mengechualikan mana² orang daripada Peruntokan² Akta dan mana² peratoran, atau perintah supaya dengan itu projek² perikanan yang di-jalankan oleh Kerajaan termasuk jua dalam pengechualian itu. Ada-lah tidak wajar di-kenakan sa-umpama bayaran lesen dan wang pertarohan bagi projek² perikanan Kerajaan. Mengikut Undang² sekarang mana² orang yang bersangkutan dengan institusi scientific dan menjalankan perusahaan perikanan bagi maksud "scientific research" sahaja yang di-kechualikan di-bawah Undang² itu.

Fasal 2 mengikut Butiran 4 dalam Jadual Rang Undang² itu meminda Sekshen 23 Akta Perikanan, 1963. Pindaan ini di-buat untuk meluaskan ta'arif "Fisheries Officer" supaya di-masokkan pegawai² yang di-lantek di-bawah Sekshen 7 Akta Perikanan, 1963 khusus-nya Ketua Pengarah Perikanan dan Timbalan Ketua Pengarah Perikanan sa-bagai Fisheries Officer.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman (Besut):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan yang penoh kepada Yang Berhormat Menteri yang telah mengemukakan Rang Undang² ini demi untuk kepentingan kaum nelayan yang sa-lama ini sangat² berhajat kepada kuasa² yang seperti ini di-beri kepada Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa sa-lama ini banyak perkara² kelambatan berjalan hasil daripada perkara² yang berlaku mengenai dengan perikanan dan pihak Menteri tidak dapat memberi pertimbangan dalam masa yang segera di-sebabkan kuasa itu ada kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan amat sukar untuk di-beri penyelesaian sa-chara yang bersegera. Dan mengikut pengakuan yang di-beri di-dalam Dewan ini, kira-nya kuasa² ini di-luluskan oleh Dewan pada hari ini, maka Yang Berhormat Menteri akan dapat memberi pertimbangan kepada kaum nelayan ini dan perkara kelambatan yang telah berlaku sa-lama ini tidak akan berlaku. Saya amat tertarik dengan jaminan ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, sejak 2 bulan yang lalu kaum nelayan di-kawasan saya telah mengalami suatu masalah yang paling besar dan perkara ini telah di-bawa ka-pengetahuan Yang Berhormat Menteri untuk mengechualikan perkara yang di-pohonkan itu maka terpaksa-lah mengambil masa yang agak panjang ia-itu perkara yang saya maksudkan ia-lah untuk memberi pertimbangan istimewa kepada nelayan² pukut tunda udang yang mereka terpaksa di-benarkan mengikut peratoran yang ada sekarang ini menjalankan pekerjaan sa-lama 6 bulan sahaja dan di-dalam masa 6 bulan yang lain itu tidak di-beri kebenaran kepada mereka menjalankan pekerjaan.

Oleh kerana keadaan yang demikian rupa, Tuan Yang di-Pertua, menyebabkan nelayan² di-kawasan Pantai Timor, terutama-nya di-dalam negeri Trengganu dan sadikit² saya dapat tahu dalam negeri Kelantan sendiri, ia-itu mereka ini sekarang ini sedang menganggor tidak dapat menjalankan pekerjaan dan ada-lah di-harapkan dengan kelulusan Undang² ini, Yang Berhormat Menteri dapat memberi pertimbangan istimewa mudah²an di-dalam bulan Julai ini juga mereka yang sedang menganggor ini dapat di-beri kelulusan untuk meneruskan pekerjaan sa-lama sa-tahun dengan lesen yang di-beri kepada lesen pukut tunda udang.

Saya fahamkan bahawa apa yang di-bimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga oleh Pegawai² dalam Jabatan Perikanan mengenai dengan lesen ini ia-lah takut kalau² berlaku pergaduhan antara nelayan² dari jenis yang lain.

Oleh kerana kawasan Pantai Timor, khasnya negeri Trengganu merupakan kawasan yang agak lain daripada Pantai Barat maka di-dalam Dewan yang mulia ini, saya suka memberi jaminan kepada Yang Berhormat Menteri sa-kira-nya apa yang di-pohonkan oleh nelayan² di-kawasan Besut sekarang ini di-luluskan oleh Yang Berhormat Menteri, maka saya percaya, pergaduhan yang di-bimbangkan oleh pehak yang berkenaan itu tidak akan berlaku.

Dan kira-nya di-khuatirkan juga dengan jaminan saya ini saya suka memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri sa-moga kelulusan itu boleh-lah di-beri dari satu bulan ka-satu bulan sa-chara perhubungan dan kira-nya berlaku di-dalam masa itu kelulusan yang di-beri boleh-lah di-tarek balek dengan sertamerta.

Saya terpaksa berchakap benda ini di-dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana memandang kepada masa dua bulan kaum nelayan menganggor di-sebabkan peratoran yang saperti ini ada-lah satu perkara yang amat mendukachitakan. Mereka ada-lah golongan yang berpendapatan sangat² rendah dan miskin tiba² dengan peratoran yang bagini mereka terpaksa berhenti kerja maka kedudukan anak² mereka tidak dapat belajar dengan keadaan yang baik dan kalau pehak Pegawai Perikanan membuat penyiasatan di-kawasan² tepi pantai di-Besut dan juga Kuala Trengganu, Tumpat dan Bachok, saya difahamkan, maka keadaan² kehidupan atau pun keadaan bandar², pekan² kecil saperti tepi pantai sekarang ini ada-lah agak lengang kerana nelayan² terpaksa dudok di-rumah tidak dapat keluar ka-kedai² untuk belanja saperti biasa. Jadi ini-lah yang saya harapkan sungguh² kepada Yang Berhormat Menteri dengan ada-nya kuat-kuasa yang di-beri ini akan merupakan suatu rahmat dan nikmat kepada kaum nelayan yang sedang menunggu sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sa-penoh²-nya Rang Undang² ini, tetapi chuma saya hendak memberi ingatan ia-itu pantai Malaysia chukup panjang, lautan-nya dalam. Tetapi

sayang sedikit oleh kerana Pegawai Perikanan Division I-nya sedikit sangat. Banyak pemuda² Melayu terutama sekali dan pemuda² Malaysia tidak banyak di-hantar keluar negeri dengan ada-nya scholarship keluar negeri belajar perikanan. Baharu² ini Menteri.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa bersangkutan dengan scholarship dengan Rang Undang² ini, itu perkara lain. Sentoh atas perinsip Bill ini sahaja, tidak boleh bawa masuk perkara² yang lain.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, ini membungkakan sahaja, lepas itu baharu-lah yang betul (*Ketawa*). Jadi dengan sebab itu oleh kerana tidak banyak pegawai perikanan kita, maka kita minta pula polis untuk mengambil tindakan itu, sebab itu-lah saya chakap bunga² sahaja.

Dengan hal yang demikian maka sama² saya berharap Kementerian yang tersebut oleh kerana sekarang kita kekurangan sangat dengan pegawai² perikanan yang berkelulusan maka saya harap-lah daripada hari akan datang lebeh banyak lagi Pegawai² Perikanan di-hantar keluar negeri atau pun pemuda² kita yang telah lulus HSC di-hantar ka-Jepun, ka-Amerika dan sa-bagai-nya, belajar berkenaan dengan fisheries ini.

Dan lagi satu berkenaan dengan kesalahan² yang di-katakan kesalahan² yang di-buat oleh nelayan², saya fikir kesalahan² yang di-buat oleh nelayan ini sedikit sangat. Satu daripada pukut tunda, boleh jadi, lain daripada itu saya tidak nampak apa salah-nya nelayan² kita, boleh jadi, dia tidak berlesen barangkali. Itu sahaja-lah jadi apa kesalahan yang hendak kita pakai pula Polis lagi untuk denda dia dan sa-bagai-nya. Jadi tidak-kah chukup dengan Pegawai² Perikanan sahaja? Sekian.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Mr. Speaker, Sir, I only have just a few words to say on this Bill. I would just like to touch on the question of piracy. As you know, Sir, the lot of the fishermen is a very difficult one, constantly subjected to the dangers of the weather and also to marauding pirates. I feel, Sir, that up-to-date not enough has been done to protect our fishermen against these marauding pirates. Sir, the Honourable Minister has informed me privately that a lot of these incidents were due to the fact that our fishermen strayed across into international waters, into other people's territory, and as

a result a few incidents occurred. Now, that may well be true, but there must also be a lot of other incidents where our fishermen became victims of these pirates. I would, therefore, like to see that our coastal patrols be stepped up so that a better sense of security would prevail among the poor fishermen in this country.

Secondly, Sir, I would suggest that the Government should consider some kind of a welfare scheme for our poor fishermen against (1) the inclement weather, the hazards of fishing when the monsoon comes and (2) the very real possibility of piracy on the high seas: some kind of an insurance policy, perhaps, taken out for the poor fishermen in this country.

Finally, Sir, I would like to say that our fishermen should be given better modern, more scientific training in the schools of modern fishery, so that their standard of living would improve. Thank you very much.

Dr. A. Soorian (Port Dickson): (*Dengan izin*) I would like to add a few words in support of my comrade here and, in this connection, I would like the Minister to look into.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: We normally use "My Honourable friend," instead of "comrade" in this House.

Dr. A. Soorian: I am sorry, Sir—my Honourable friend here from Bungsar in support of the plight of the fishermen. I have come to understand that fishermen in the East Coast are only given seasonal permits or licences to fish and I think this is not fair. They should be given a free rein to fish, and I would also like to urge the Honourable Minister to increase the number of fish-breeding centres in the country and that the Government should give every assistance to the promoters of such fish-breeding centres.

On the question of piracy, I think there should be some co-operation with the Indonesian Government to come to an understanding, as we believe, according to the newspapers at least, that most of the incidents occurred with Indonesian fishermen and pirates. Thank you.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi sokongan walau pun ada sedikit sa-banyak tegoran atau pun kenyataan² yang telah di-beri.

Ahli Yang Berhormat dari Besut meminta supaya saya memberi timbangan istimewa kepada nelayan² di-Pantai Timor. Di-sini saya suka-lah menegaskan ia-itu Pantai Timor sentiasa mendapat timbangan yang istimewa daripada Kementerian saya. Berhubung dengan meminta supaya nelayan² yang ada di-Pantai Timor itu di-beri kebenaran untuk menjalankan perusahaan pukat tunda sa-lain daripada udang dengan perhubungan sa-bulan ka-sabulan atau sabagai-nya, saya telah pun menerangkan perkara ini kepada beliau pada masa yang sudah sa-chara private sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Wakil dari Bungsar tadi. Jadi, private ini bukan-lah private yang sulit benar, tetapi barangkali dalam perjumpaan di-luar daripada Dewan ini, atau pun samasa berjumpa dalam Dewan. Itu yang disebutkan private oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson membangkitkan masalah berkenaan dengan seasonal permit untuk East Coast. Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu kurang faham di atas chara perjalanan atau pun lesen yang di-beri kepada nelayan² ini. Bagi Pantai Barat kita chuma mengeluarkan satu chara lesen sahaja ia-itu lesen untuk menangkap ikan sa-tahun sa-kali. Jadi, ma'ana-nya period dia untuk satu tahun, tetapi lesen itu chuma membenarkan menangkap ikan kalau bot lebih daripada 50 tan mesti-lah keluar daripada 12 batu dan kalau sa-kiranya bot itu ka-bawah daripada 50 tan tetapi lebih daripada 30 tan mesti keluar daripada tujuh batu. Kalau sa-kiranya bot itu bawah daripada itu chuma boleh sampai kepada kawasan yang jauh tiga batu daripada tepi pantai. Kawasan tiga batu ka-tepi pantai tidak di-benarkan sama sa-kali untuk menjalankan perusahaan pukat tunda, tetapi di-kawasan East Coast atau pun Pantai Timor Malaysia Barat, kita ada mengeluarkan satu lesen lain pula, ia-itu lesen untuk menangkap udang sahaja ini di-keluarkan sa-masa musim tengkujuh, musim bad weather, di-mana nelayan² tidak boleh keluar ka-tengah lautan, tetapi chuma menangkap udang di-tepi pantai.

Jadi, ini lesen yang di-keluarkan untuk empat bulan atau lima bulan ini ia-lah lesen menangkap udang. Dia bukan lesen menangkap ikan. Jadi, kalau sa-kira-nya nelayan itu mengambil lesen menangkap ikan maka period-nya atau masa-nya ia-lah satu tahun bukan empat bulan atau lima bulan, tetapi lesen istimewa untuk menangkap udang ini ia-lah empat atau lima bulan ia-itu musim tengkujuh, musim bad weather. Jadi ini-lah keadaan yang kita jalankan dan apa yang berlaku di-Pantai Timor baharu² ini, nelayan² meminta supaya lesen menangkap udang lima bulan itu di-lanjutkan kepada satu tahun. Jadi, saya telah terangkan kepada mereka, mereka boleh mengambil lesen menangkap ikan untuk satu tahun dan dalam musim tengkujuh kita boleh benarkan dia menangkap udang dengan tidak payah mengambil lesen lain, tetapi mereka tidak mahu begitu, mereka berkehendakkan lesen menangkap udang, tetapi di-benarkan menangkap ikan, dengan sebab lesen menangkap udang murah, lesen menangkap ikan yang sa-tahun itu mahal. Jadi, itu sebab yang ada berlaku perselisihan sedikit, tetapi perkara itu saya akan uruskan pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor meminta supaya menghantar lebih banyak pemuda dengan chara scholarship untuk mempelajari ilmu perikanan dan sa-bagai-nya. Di-sini saya suka-lah menegaskan atau memberi jaminan ia-itu langkah bagi menghantar pemuda² kita lebih ramai dengan scholarship untuk mempelajari ilmu perikanan ada-lah di-jalankan dan akan di-jalankan lebih lagi pada masa yang akan datang.

Soalan yang kedua yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ia-lah mengatakan ta' payah diberi kuasa kepada Polis kerana kesalahan² yang di-lakukan oleh nelayan² ini kechil sahaja atau pun sedikit sahaja dan boleh di-jalankan oleh Pegawai Perikanan. Di-sini suka-lah saya menegaskan ia-itu pada masa yang sudah² kita terpaksa meminta pertolongan daripada Polis berhubung dengan menjaga kawasan² laut kita, terutama sa-kali berhubung dengan pukat tunda dengan pukat tepi pantai dan sa-bagai-nya. Jadi, Marine Polis telah pun menjalankan rondaan dan menolong kita dalam masaalah ini dan di-sini saya dengan sukachita-nya mengucapkan terima kasih kepada pihak Marine

Polis yang telah memberi sokongan, bantuan dan kerjasama yang banyak kepada Kementerian saya khas-nya kepada Jabatan Pertanian bagi menjaga keselamatan nelayan² kita dan juga ketenteraman nelayan² yang menjalankan perusahaan.

Pada masa sekarang ini pihak Polis boleh menangkap nelayan² yang melakukan kesalahan sama ada masuk ka-kawasan yang tidak di-benarkan atau pun tidak menepati syarat² yang di-kenakan mengikut lesen yang di-keluarkan dan sa-bagai-nya, tetapi manakala pihak Polis menangkap bot² ini mereka tidak ada kuasa untuk hendak mengenakan denda sa-chara compound. Jadi, terpaksa-lah tiap² kali mereka tangkap mereka membawa bot² ini ka-Polis Steshen. Kemudian bot ini akan di-tahan sa-hingga habis perbicharaan. Perbicharaan ini boleh jadi mengambil masa dua minggu, sa-bulan atau sa-bagai-nya dan sa-lama itu-lah nelayan² itu tidak dapat menjalankan perusahaan mereka, tidak dapat bekerja. Jadi, dengan sebab itu, saya telah memikirkan ia-itu patut kita memberi kuasa boleh mendenda, power to compound kepada pihak Polis supaya mereka manakala ditangkap sahaja bot ini, compound atau denda dan bot ini boleh di-lepaskan dan nelayan kita boleh mencari makan dengan tidak di-ganggu lagi. Jadi, ini ada-lah satu chara yang baik saya fikir.

Ahli Yang Berhormat dari Bungsar menyatakan kemushkilan berkenaan dengan pihak nelayan kita menjadi victims kepada piracy. Jadi, perkara itu saya sentiasa membuat perhubungan dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menjaga masalah ketenteraman, atau keselamatan negara, begitu juga dengan pihak Pertahanan atau Defence yang menjaga keselamatan negara. Jadi, perkara ini akan di-ambil ingatan dan saya akan berhubung dengan pihak² yang tertentu.

Berkenaan dengan Welfare Scheme, disebabkan dengan sebab bad weather atau dengan sebab piracy. Ini juga saya akan berhubung dengan pihak Pejabat Kebajikan atau Kementerian Kebajikan berkenaan perkara ini.

Dan perkara yang akhir sa-kali ia-lah berkenaan scientific training. Ini akan di-jalankan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kita sekarang sedang membena sa-buah institute yang di-namakan Fisheries Training Institute di-Pulau Pinang dan barangkali pada

pertengahan tahun ini, atau pun dalam sabulan dua lagi kita dapat mengambil intake yang pertama penuntut² yang akan kita lateh di-dalam institute ini. Di-sini kita akan latehkan chara berusaha menangkap ikan dengan chara scientific, menggunakan modern teknologi, modern gear dan mengajar mereka itu macham mana hendak membawa bot dan sabagai-nya dan kursus ini akan mengambil masa lebeh kurang 18 bulan. Manakala mereka lulus di-situ dapat-lah mereka menjalankan perusahaan dengan lebeh baik dan saya suka-lah memberi penegasan di-sini ia itu anak² daripada nelayan² akan di-beri keutamaan bagi mengikuti kursus Institute perikanan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson meminta supaya Fish Breeding Station ditambahkan lagi. Jadi, ini juga saya suka-lah menegaskan ia-itu kita ada ranchangan untuk menambahkan lagi Fish Breeding Station bukan sahaja untuk hendak membanyakkan ikan ayer tawar, tetapi membanyakkan juga udang galah dan ikan² lautan. Jadi sekian-lah.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sabagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sabagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sabahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sabahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang hari Ithnin, 12hb Julai, 1971.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.